


## BAB 4

### ANALISIS: CIRI-CIRI ELDERSPEAK

#### 4.1Pendahuluan

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji ciri-ciri *Elderspeak* dalam wacana penjaga. Oleh itu, bab ini akan mengemukakan analisis mengenai ciri-ciri *elderspeak* yang terdapat dalam wacana penjaga berdasarkan data yang telah dipungut. Penganalisan data kajian adalah berdasarkan rangka penganalisan berikut (gambar rajah 4.1).



Gambar rajah 4.1 Rangka Penganalisan Kajian

## 4.2 Ciri-ciri *Elderspeak* Dan Kekekrapan Penggunaan

Melalui data audio rekoding dan catatan lapangan yang telah ditranskripkan, 5 ciri-ciri *elderspeak* yang wujud dalam wacana penjaga di rumah warga emas termasuk ayat tanya (4.3), ulangan (4.4), perbendaharaan kata yang terhad (4.5), sintaksis yang ringkas (4.6) dan kod menindas (4.7).

Analisis kajian mendapati bahawa ciri-ciri *elderspeak* yang wujud mempunyai persamaan dengan ciri-ciri *elderspeak* dalam kajian luar negara seperti kajian Coupland, Coupland and Giles (1991); Kemper, Anagnopoulos, Lyons and Heberlein (1994); la Tourette and Meeks (2000); Simpson (2002); Williams, Kemper and Hummert (2004) dan juga pengkaji tempatan Yoong (2006).

Kekekrapan penggunaan setiap ciri-ciri *elderspeak* adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.1:

**Jadual 4.1 Kekekrapan Penggunaan Ciri-ciri Elderspeak**

Ciri-ciri	Sub Ciri-ciri	Kekekrapan (kali)	Jumlah Setiap kategori	Peratus (%)
Ayat Tanya	Soalan ekoran	73	120	39.09
	Soalan Pilihan	37		
	Soalan Retorik	6		
	Soalan Ya/Tidak	4		
Ulangan	Ulangan item leksikal	85	112	36.48
	Ulangan makna	8		
	Peniruan	19		
Perbendaharaan kata yang ringkas		36	36	11.73
Sintaksis yang ringkas		11	11	3.58
Kod menindas		28	28	9.12
<b>JUMLAH</b>		<b>307</b>	<b>307</b>	<b>100</b>

Jadual 4.1 menunjukkan enam ciri-ciri *elderspeak* yang telah dikenalpasti serta kekekrapan setiap satu ciri-ciri yang wujud dalam wacana penjaga. Kekekrapan setiap

ciri-ciri adalah berdasarkan ‘jumlah penggunaan’ dalam jangkamasa proses pengumpulan data selama 270 jam dan hasil transkripsi audio rekoding selama 46 menit. Di antara jumlah wacana penjaga yang sebanyak 307 kali, ayat tanya merupakan ciri-ciri yang paling ketara iaitu sebanyak 120 kali (39.09%). Di bawah ciri-ciri ayat tanya tersebut terdapat 4 sub ciri-ciri iaitu soalan ekor, soalan pilihan, soalan retorik dan soalan ya/tidak. Ciri-ciri ulangan mencatatkan kekerapan sebanyak 112 kali (36.48%). Ciri-ciri ulangan dapat dikategorikan kepada 3 jenis iaitu ulangan item leksikal, ulangan makna dan peniruan. Kekerapan ciri-ciri perbendaharaan kata yang ringkas adalah 36 kali (11.73%), ciri-ciri sintaksisi yang terhad 11 kali (3.58 %) dan ciri-ciri kod menindas 28 kali ( 9.12%).

#### **4.3 Ciri-ciri Ayat Tanya**

Kajian Elderspeak Coupland et al. (1991) menunjukkan bahawa warga tua hanya dapat giliran untuk bertutur ketika mereka diminta untuk respon. Williams, Kemper, Hummert (2004) menunjukkan bahawa soalan ekor (*tag questions*) merupakan salah satu daripada ciri-ciri *elderspeak*. Yoong (2006) membincang mengenai struktur soalan yang terhad (*Limited Questions Structures*) dalam ciri-ciri *Elderspeak* dan membahagikan ayat tanya kepada soalan ekor (*tag*), soalan pilihan (*either or*), soalan retorik (*rhetorical*), soalan pernyataan (*guided open ended*) dan soalan ya/tidak (*yes/no*). Data kajian ini telah menunjukkan bahawa penjaga di rumah warga tua menggunakan 4 jenis ayat tanya seperti berikut:

- a. Soalan Ekor
- b. Soalan Pilihan
- c. Soalan Retorik
- d. Soalan ya/tidak

### 4.3.1 Soalan Ekoran

Soalan ekoran adalah di antara jenis struktur ayat tanya yang paling kerap digunakan oleh penjaga (lihat jadual 4.1). Selain daripada soalan ekoran “ha ” dan “ah” dan “isn’t it” seperti dalam kajian Yoong (2006), pengkaji mendapati soalan ekoran “mei”, “ho” dan “kan” (bukan) juga wujud dalam ayat tanya yang digunakan oleh penjaga di rumah warga emas. Soalan ekoran dalam data kajian ini dapat dikategorikan kepada 6 jenis, diakhiri dengan “ah”, “ha”, “mei”, “ho”, “isn’t it” dan “kan” (bukan). Jadual 4.2 berikut menunjukkan satu contoh dari setiap satu jenis soalan ekoran. Contoh-contoh soalan ekoran lain akan dibincangkan secara terperinci dalam bahagian fungsi penggunaan.

**Jadual 4.2 Contoh jenis-jenis ayat tanya**

Jenis ayat Tanya	Contoh	Transkripsi
soalan ekoran “ah”	Lai, wo men zou hui qu ah? (Mari, kita jalan balik ah?)	7:19
soalan ekoran “ha”	<i>Ngor loh deng bei nei coh ni dou ha?</i> (Saya ambil kerusi untuk kamu duduk di sini ha?)	6:3
soalan ekoran “mei”	<i>Nei em zong yi sig mei?</i> (Kamu tak suka makan mei?)	14:3
soalan ekoran “ho”	<i>Liang ho?</i> (Cantik ho?)	6:1
Soalan ekoran “isn’t it”	<b>No. Now is 20<sup>th</sup>, isn’t it?</b>	33:11
Soalan ekoran “kan”	Wang hilang tak apa, <u>lu</u> banyak cantik sekarang, sudah pakai baju baru, baju bersih, kan?	38:13

Kekerapan penggunaan soalan ekoran serta kewujudan soalan ekoran tersebut dalam bahasa atau dialek tertentu ditunjukkan dalam jadual 4.3 di muka surat 47.

**Jadual 4.3 Dialek dan bahasa penggunaan Soalan Ekoran**

Jenis soalan ekoran	Dialek/ Bahasa
Ekoran “ah”	Kantonis, Mandarin, Bahasa Melayu.
Ekoran “ha”	Kantonis, Hakka, Bahasa Melayu.
Ekoran “mei”	Kantonis
Ekoran “ho”	Kantonis
Ekoran “isn’t it”	Bahasa Inggeris
Ekoran “bukankah”	Bahasa Melayu

Penggunaan partikel ini dalam ayat tanya dipengaruhi oleh “variety speech” tempatan. Partikel seperti “ha”, “ah”, “mei”, dan “ho” merupakan partikel yang biasa digunakan terutama dalam pertuturan kaum Cina pada akhir ayat tanya. Keadaan ini sama dengan penggunaan “uh” dalam Bahasa Inggeris (Yoong, 2006). Data kajian menunjukkan partikel “ah”, “ha” digunakan dalam dialek Kantonis, Hakka dan Bahasa Mandarin manakala penggunaan partikel “mei”, “ho” digunakan dalam dialek Kantonis sahaja. Partikel “ah” dan “ha” juga digunakan oleh penjaga Cina ketika penjaga Cina menggunakan Bahasa Melayu (lihat jadual 4.3).

#### **4.3.2 Soalan pilihan**

Soalan pilihan merupakan soalan yang membekalkan pilihan jawapan dalam soalan yang ditanya. Ini bermakna, pendengar mempunyai satu pilihan jawapan yang dibekalkan oleh pihak yang menanya. Sila lihat contoh dalam jadual 4.4.

**Jadual 4.4 Contoh soalan pilihan**

Transkripsi soalan pilihan	No. transkripsi
Chin Poh Len, sudah makan? Mau mandikah?	16:5
<i>NEI OIL EM OIL SIG?</i> (KAMU MAHU MAKAN TAK MAHU MAKAN?)	21:1

### 4.3.3 Soalan retorik

Soalan retorik adalah jenis soalan yang mengemukakan sesuatu pertanyaan tetapi bukan untuk tujuan mendapatkan jawapan daripada pendengarnya. Jawapan kepada soalan sebenarnya telah dinyatakan dan tersirat dalam soalan yang ditanya dan tidak perlu dijawab oleh pendengar. Contohnya soalan retorik “Jika tindakan ini menimbulkan masalah, mengapa kita masih ingin teruskan?” ditanya bukan untuk mendapatkan jawapan tetapi dengan tujuan meluahkan pendapat penutur atau menimbulkan perhatian pendengar terhadap maksud di sebalik soalan tersebut. Contoh soalan retorik kajian ini ditunjukkan dalam jadual 4.5.

**Jadual 4.5 Contoh soalan retorik**

Soalan retorik	No. transkripsi
<i>Gum yau bin gor ho ye bong dou nei?</i> (Macam ini siapa boleh tolong kamu?)	5:27

### 4.3.4 Soalan ya/tidak

Dalam soalan ya/tidak, penutur mengemukakan suatu soalan dan pendengar hanya perlu menjawab ya atau tidak seperti contoh dalam jadual 4.6.

**Jadual 4.6 Contoh soalan ya/tidak**

Transkripsi soalan ya/tidak	No. transkripsi
Ni jiang yi ju hua na jin hui diao xia lai shi ma? (Kamu cakap sepatah perkataan nanti emas itu akan jatuh, ya tak?)	7:29

### 4.3.5 Fungsi Penggunaan Ciri-ciri Ayat Tanya

Berdasarkan data kajian, ciri-ciri ayat tanya merangkumi 4 jenis iaitu soalan ekoran, soalan pilihan, soalan retorik dan soalan ya/tidak (lihat jadual 4.1). Soalan ekoran dapat dibahagi kepada 6 jenis seperti dalam jadual 4.7 berikut.

**Jadual 4.7: Jenis-jenis Soalan Ekoran Dan Kekerapan Penggunaan**

Jenis soalan ekoran	Kekerapan
Ekoran “ah”	39
Ekoran “ha”	17
Ekoran “mei”	12
Ekoran “ho”	3
Ekoran “isn’t it”	1
Ekoran “bukankah”	1
Jumlah	73

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.7, soalan ekoran “ah” adalah di antara soalan ekoran yang paling kerap wujud dalam soalan ayat tanya iaitu sebanyak 39 kali daripada jumlah keseluruhan 73 kali. Soalan ekoran “ha” digunakan sebanyak 17 kali, diikuti dengan soalan ekoran “mei” 12 kali. Soalan ekoran “ho” digunakan 3 kali, soalan ekoran “isn’t it” dan soalan ekoran “bukankah” masing-masing wujud 1 kali.

Terdapat beberapa fungsi penggunaan ayat tanya. Analisis berikut akan membincangkan fungsi penggunaan setiap jenis ciri-ciri ayat tanya.

#### 4.3.5(a) Penggunaan soalan ekoran “ha” dan “ah”

Data kajian telah menunjukkan bahawa daripada 73 soalan ekoran yang wujud dalam data, soalan ekoran “ah” telah digunakan 39 kali dan soalan ekoran “ha” digunakan 17 kali (lihat jadual 4.7). Kedua-dua penggunaan soalan ekoran “ah” dan “ha” telah digunakan sebanyak 56 kali (76.71%). Soalan ekoran yang menggunakan partikel “ah”

dan partikel “ha” dianalisis dalam satu kategori yang sama berdasarkan fungsi penggunaan yang lebih kurang sama. Penjaga menggunakan soalan ekoran “ah” dan “ha” untuk penekanan sesuatu maksud, mendapat kepastian, membangkitkan respon dan melembutkan arahan.

**i. Penggunaan soalan ekoran “ah” dan “ha” sebagai penekanan maksud sesuatu mesej**

Penjaga sering menggunakan partikel “ah” dan “ha” dalam soalan ekoran untuk menekankan maksud sesuatu mesaj. Sila lihat contoh di muka surat 51.



Contoh 1a

Transkripsi 1

Jururawat Cina mengingatkan WPC 1 supaya tidak perlu melakukan senaman berjalan.

3	JC:	<i>Jin yit mai gia loh!</i>
		Hari ini tak mahu jalan loh!
4	WPC:	(xxxx)
5	JC:	<i>Mai giar, mia jai, mia jai giar, ha:? Kim yit giar liau ma, jin git giar, jin jit em mai giar, jin jit giar, jin jit em mai giar, ha:?</i>
		Tak mahu jalan, esok, esok jalan ha:? Hari ini sudah jalan ma, satu hari jalan, satu hari tak mahu jalan, satu hari jalan, satu hari tak mahu jalan, ha:?

Contoh 1b

Transkripsi 3

Pada waktu senaman pagi, JC memapah WPC 3 berjalan dengan pemegang besi.

34	JC:	Ah. Eh, <b>you</b> jalan tangan jangan lepas ah? Nanti jatuh susah ah? Ah, pegang kuat-kuat.
----	-----	--

Contoh 1c

Transkripsi 4

JC memapah WPC 3 membuat latihan berjalan.

15	JC:	Perlahan-lahan! <b>You</b> mau duduk beritau saya ah? Saya bawa kerusi ah? Ha?
----	-----	--

Transkripsi 1 (contoh 1a) menunjukkan JC menggunakan soalan ekoran “ha” untuk menekankan maksud “mai giar” (jangan berjalan) ketika bercakap dengan WPC 1. JC cuba menggunakan soalan ekoran “ha” untuk menekan maksud bahawa WPC 1 telah melakukan latihan berjalan sehari sebelum itu dan tidak perlu mengulangi latihan tersebut pada hari tersebut.

Dalam transkripsi 3:34 (contoh 1b), JC menggunakan soalan ekoran “Eh, **you** jalan tangan jangan lepas ah? Nanti jatuh susah ah? ” untuk menekan maksud bahawa WPC 3 perlu sentiasa memegang palang besi (alat bantu) supaya tidak jatuh dan

cedera. Penjaga menggunakan soalan ekoran “**You** mau duduk beritau saya ah?” dalam transkripsi 4:15 (contoh 1c) dan diikuti dengan “Saya bawa kerusi ah? Ha?” untuk menguatkan penekanan maksud bahawa sekiranya WPC 3 hendak duduk, dia akan bawakan kerusi. Penggunaan “ah” dan “ha” pada masa yang sama seolah-olah memberi penekanan maksud secara berganda (*double emphasis*) ke atas mesej yang ditujukan kepada WPC 3 .

## ii. Penggunaan partikel “ah” dan “ha” untuk membangkitkan respon

Penjaga menggunakan soalan ekoran “ah” dan “ha” untuk membangkitkan respon warga emas seperti contoh berikut.

Contoh 2a  
Transkripsi 30  
Penjaga meminta WPC 16 meneka namanya.

1	PIN:	Ha? Boki ah?
2	WPC 16:	( )
3	PIN:	Siapa? Ha? Putri ah?
4	WPC 16:	Ha... Ha...[ketawa]
5	PIN:	Ha? Siapa punya nama?
6	WPC 16:	( )
7	PIN:	Ha? Yusri ah?

Dalam transkripsi 30 (contoh 2a), PIN cuba meminta WPC 16 yang jarang bercakap untuk meneka namanya. WPC 16 masih berupaya berkomunikasi secara verbal walaupun pernah mengalami “mild stroke” (makluman jururawat). Walaubagaimanapun pertuturan WPC 16 menjadi kurang jelas akibat insiden strok tersebut, menyebabkan beliau berasa segan untuk bercakap. PIN cuba dengan menggunakan soalan ekoran “ah” untuk membangkitkan respon WPC 16.

Contoh 2b

Transkripsi 5

Pengurus bercakap dengan WPC 4 yang enggan makan dan terpaksa dipasangkan tiub setiap kali makan.

1	PG:	<i>Oil sig yu ci mou? Oil Sig yu ci mou, ha?</i>
		Mahu makan <b>sharks fins</b> tak? Mahu makan <b>sharks fins</b> tak, ha?
11	PG:	<i>Nei lum mei ye yi gar, ha?</i>
		Kamu sedang fikir apa sekarang ha?

Contoh 2c

Transkripsi 32

Pengurus menunjukkan kalender dan menyuruh WPC 11 membaca tarikh dan hari pada kalender tersebut.

6	WPC 11:	( )
7	PG:	<i>Nyi sip haw! Con tau mau?</i>
		20 haribulan! Nampak tak?
8	WPC 11:	( )
9	PG:	<i>Mak gai ha?</i>
		Apa ha?

Dalam transkripsi 5 (contoh 2b), PG memulakan perbualannya dengan menanya WPC 4 “ *Oil Sig yu ci mou, ha?*” (mahu makan sharks fin ha?). Ini adalah untuk membangkitkan respon warga tua yang mengalami masalah kemurungan akibat strok. Warga emas ini enggan makan sejak dia mengalami strok dan terpaksa dipasangkan tiub makanan. “Sharks fin” adalah bahan masakan yang mahal, ia bukan makanan harian dan kebanyakan orang Cina hanya akan menikmati hidangan ini di restoran, untuk jamuan atau hari perayaan khas seperti Tahun Baru Cina. PG cuba mengingatkan WPC 4 bahawa perayaan Tahun Baru Cina semakin dekat, beliau akan bertemu dengan keluarganya dan makan *sharks fin* bersama-sama dengan anaknya dalam jamuan makan bersama iaitu “*reunion*”. Apabila WPC 4 tidak respon kepada pertanyaan PG, PG menggunakan soalan ekor (Kamu sedang

fikir apa sekarang ha?) untuk membangkitkan respon warga emas tersebut agar membuka mulutnya untuk menjawab.

Dalam transkripsi 32 (contoh 2c), PG menyuruh WPC 11 membaca tarikh dan hari pada kalender yang ditunjukkan. Apabila WPC 11 tidak menjawab, PG memberitahu bahawa tarikh di atas kalender adalah 20 haribulan dan menanya samada WPC 11 dapat nampak tarikh tersebut. Apabila WPC 11 tidak menjawab soalnya, PG ingin cuba membangkitkan respon WPC 11 dengan soalan ekoran “*Mak gai ha?*” (Apa ha?)

### iii. Penggunaan “ah” dan “ha” untuk memperolehi kepastian

Sekiranya penjaga ingin mendapatkan kepastian sesuatu jawapan, penjaga akan menggunakan soalan ekoran “ah” dan “ha” untuk tujuan memperolehi kepastian. Penjaga menggunakan partikel “ah” dalam soalan yang ditanya sebagai penanda “adakah benar” untuk memastikan sesuatu kenyataan daripada warga tua benar. Sila lihat contoh berikut.

Contoh 3a

Transkripsi 8  
Beberapa penjaga sedang menyuap nasi kepada WPC 5.

12	WPC 5:	[Makan satu suap dan menolak mangkuk ]
13	P2:	<i>Hou nyit ah? Deng nyat zen gan ah?</i>
		<i>Sangat panas? Tunggu sekejap ah?</i>
14	P1:	<i>Hou nyit ah? Em moi ah?</i>
		<i>Sangat panas ah? Tak mahu ah?</i>

Contoh 3b

Transkripsi 20

JC memapah seorang WPC 15 berlatih berjalan sambil menegur WLC 12 yang tertidur di atas kerusi.

1	JC:	<i>Nei yao tao wan mou?</i>
		Kamu ada pening kepala?
2	WLC 12:	[Geleng kepala. Mata masih tutup]
3	JC:	<i>Mou ah? Zou mei mi mai ngan? Hoi ngan, hoi ngan, ah...</i>
		Tak ada ah? Kenapa tutup mata? Buka mata, buka mata, ah...

Contoh 3c

Transkripsi 32

Pengurus menunjukkan kalender dan menyuruh WPC 11 membaca tarikh dan hari pada kalender tersebut.

7	PG:	<i>Nyi sip haw! Con tau mau?</i>
		20 haribulan! Nampak tak?
8	WPC 11:	( )
9	PG:	<i>Mak gai ha?</i>
		Apa ha?

Soalan ekoran “*Hou nyit ah?*” dan “*Em moi ah?*” ditanya dalam transkripsi 8 (contoh 3a) untuk memastikan samada WPC 5 tidak mahu makan atau sebab makanan panas.

Dalam transkripsi 20 (contoh 3b), penjaga menanya WLC 12 samada beliau pening kepala. WLC 12 menjawab dengan menggeleng kepala tetapi masih dalam keadaan menutup mata. Oleh itu, penjaga mengajukan soalan ekoran “*Mou ah?*” (Tak ada ah?) untuk memastikan samada WLC 12 menggeleng kepala sebagai maksud “tidak pening” atau “tidak sihat”.

WPC 11 dalam transkripsi 32 (contoh 3c) tidak dapat membaca tarikh di atas kalender. Penjaga telah membacakan tarikh tersebut dan WPC 11 tidak memberikan

apa-apa respon. Penjaga telah menggunakan soalan ekoran “*Mak gai ha?*” (Apa ha?) untuk mendapatkan kepastian samada WPC 11 dapat nampak tarikh pada kelender yang ditujukan.

#### iv. Penggunaan “ah” untuk melembutkan arahan

Semasa penjaga mengarahkan warga emas untuk mengikuti sesuatu arahan, soalan ekoran “ah” digunakan untuk fungsi melembutkan arahan, menjadikan arahan tersebut kurang tegas dan diikuti oleh warga emas. Sila lihat contoh berikut.

Contoh 4a		
Transkripsi 3		
Pada waku senaman pagi, JC memapah WPC 3 berjalan.		
24	JC:	Jalan lagi satu <b>round</b> , boleh ah?
25	WPC 3:	Bo:leh:!
Contoh 4b		
Transkripsi 7		
Penjaga (3) membantu WPC 6 membuat latihan berjalan.		
19	P3:	Hai yao zou ma? Lai, wo men zou hui qu ah? Ke yi ma?
		Masih mahu jalan? Mari, kita jalan balik ah? Boleh?
20	WPC 6:	[Menganggup kepala]

Penjaga telah menggunakan soalan ekoran “ah” untuk melembutkan arahan ketika latihan berjalan diadakan dalam transkripsi 3 (contoh 4a) dan transkripsi 7 (contoh 4b). Kedua-dua penjaga iaitu JC dan P3 mengarahkan WPC untuk meneruskan latihan berjalan dengan soalan ekoran “Jalan lagi satu **round**, boleh ah?” dan “Lai, wo men zou hui qu ah?” (Mari, kita jalan balik ah?).

Dalam transkripsi 25 (contoh 4c) di muka surat 57, JC ingin mengarahkan WPC 16 untuk makan bubur dan tidak menggunakan tiub makanan pada waktu petang. JC

juga mengarahkan WPC 16 cara memberi respon kepada pertanyaannya. Dengan menggunakan soalan ekoran “ha”, arahan-arahan tersebut telah dilembutkan dan disenangi oleh WPC 16.

Contoh 4c  
 Transkripsi 25  
 Jururawat bertutur dengan seorang WPC 16 .

1	JC:	xia wu wo men chi zou, ah? Petang kita makan bubur ah?
2	WPC 16:	[kelip mata, senyum]
3	JC:	Wa, ni shuo, ni jiu shi yao chi zou le ah, hao e, ze yang zi xia wu chi. Wah, kamu cakap, kamu nak makan bubur ah, baiklah, macam ini petang makan (bubur).
4	WPC 16:	[senyum]
5	JC:	xia wu wo wei ni zou ah? Bu yao chi ze ge a? Petang nanti saya suap bubur ah? Tak mahu makan ini [menunjukkan tuib makanan] ah?
6	WPC 16:	[senyum]
7	JC:	Yao ni jiu zha yan ah, bu yao ni jiu yao tou, dong ma? ah? Kalau nak makan kelip mata, kalau tak mahu geleng kepala, faham? Ha?

Terdapat satu dapatan kajian yang menarik di mana pengkaji membuat jangkaan bahawa penggunaan soalan ekoran seperti “ha” dan “ah” hanya digunakan oleh penjaga kaum Cina seperti yang ditunjukkan dalam kajian Yoong (2006). Walau bagaimana pun data kajian ini telah menunjukkan bahawa terdapat penjaga kaum Melayu, India dan pekerja Indonesia yang menggunakan soalan ekoran “ah” dalam data. Tujuan penjaga membuat akomodasikan penggunaan soalan ekoran “ha” dan “ah” adalah supaya menimbulkan perasaan keintiman di kalangan warga emas yang majoriti kaum Cina serta untuk menjalin hubungan mesra ketika berkomunikasi

dengan warga emas. Jadual 4.8 berikut menunjukkan conoth-contoh penggunaan soalan ekoran “ha” dan “ah” di kalangan penjaga yang bukan kaum Cina.

**Jadual 4.8 Penggunaan soalan ekoran “ah” dan “ha” oleh penjaga bukan kaum Cina**

No. Transkripsi	Transkripsi	Keturunan Penjaga
28:10	Sudah kosong senang ah?	India
28:32	Baiklah, ah?	India
30:1	Ha? Bokti ah?	Indonesia
30:3	Siapa? Ha? Putri ah?	Indonesia
30:7	Ha? Yusri ah?	Indonesia
37:8	<i>Em hole ham lah!</i> [Tak mahu nangis lah] Tak ada apa punya, nanti saya kasi wang, duduk sana ah !	Melayu
T39:3	Diam-diam: makan, diam-diam <i>fern gao</i> [tidur] <i>ha?</i>	Melayu

#### 4.3.5(b) Fungsi Penggunaan Soalan ekoran “mei”

Soalan ekoran yang menggunakan partikel “mei” banyak wujud dalam data dialek Kantonis. Partikel “mei” (dalam karektor dialek Kantonis ‘咩’) adalah sama dengan penggunaan “kah” dalam Bahasa Melayu. Dalam data yang dikumpulkan, fungsi penggunaan soalan ekoran “mei” adalah untuk menunjukkan kurang yakin atau meragui sesuatu pernyataan .

##### i. Penggunaan partikel “mei” untuk menunjukkan kurang yakin dengan ujaran warga Emas.

Soalan ekoran yang menggunakan partikel “mei” digunakan apabila penjaga tidak yakin atau tidak setuju dengan apa yang dikatakan oleh warga emas. Sila lihat contoh 5a di muka surat 59.



Contoh 5a

Transkripsi 13

Jururawat membersihkan luka seorang WPC 10 yang telah menjalani pembedahan apendiks.

1	JC:	<i>Ni di york cou de sig, guo di ngam ah, mou hen=</i>
		Ubat ini boleh makan, yang itu sesuai ah, tak ada gatal=
2	WPC10:	<i>=Mei mou ah, nei tei?</i>
		=Mana tak ada ah, kamu tengok?
3	JC:	<i>Yow hen mei?</i>
		Ada gatal ke?
4	WPC10:	<i>Nier, nei ga gi tei.</i>
		Nier, kamu sendiri tengok.
5	JC:	<i>Hei mei? Nei wa dou ah?</i>
		Yakah? Kamu garu ah?
6	WPC10:	<i>Hen dou sei er,( xxx) sig zou di york seng man nyit le ma, hen loh.</i>
		Sangat gatal lah, (xxx) sudah makan ubat panas sepanjang malam, gatal loh.
7	JC:	<i>Hei mei? Guo di york gei hao ah, hou lenh ah shong hao. Shong hao leng ho?</i>
		Yak ah? Ubat itu boleh tahan ah, luka ini sangat elok ho?
8	WPC10:	<i>D york sig zou nyit guo tao, ngor zao shen han.</i>
		Ubat itu terlalu panas, badan saya gatal.

34	JC:	<i>Yu yao sig mou?</i>
		Ada makan ikan?
35	WPC 10:	<i>Yu ngor em sih gei, hou sang, ngor sih zor oil aw!</i>
		Ikan saya tak makan, sangat hanyir, saya makan muntah nanti!
36	JC:	<i>Hei:mei:?</i>
		Ya:kah:?

45	WPC 10:	<i>Em, gor di hong mei ah, hong joe yu duke ah, ji mou?</i>
		Em, itu ikan apa ah, ikan Kerisik Merah bisa ah, tahu tak?
46	JC:	<i>Hei mei?</i>
		Yakah?

Dalam transkripsi 13 (contoh 5a), ketika WPC 10 mengadu kepada JC bahawa ubat yang diberi oleh JC menyebabkan lukanya merah dan gatal, JC menggunakan soalan ekoran “Hei mei” (ya kah) dalam data 13:3, 13:5 dan 13: 7 sebab kurang yakin dengan apa yang dikatakan oleh WPC 10. Ketika WPC 10 memberitahu penjaga bahawa dia tidak boleh makan ikan sebab bau hanyir ikan akan membuatnya muntah (13:35) serta ikan kerisik merah adalah ikan yang berbisa

(13:45), JC membalas dengan soalan ekoran “Hei mei” (yak ah?) dalam transkripsi 14:36 dan 14:46. Penggunaan soalan ekoran “mei” oleh JC menunjukkan penjaga kurang yakin dengan apa yang diperkatakan oleh WPC 10.

## ii. Penggunaan partikel “mei” ketika meragui

Penjaga akan menggunakan soalan ekoran “mei” sekiranya meragui sesuatu tindakan warga emas.

Contoh 5b Transkripsi 14 Penjaga menyuap WPC makan bubur.		
1	P:	<i>Sig yeh, sig.</i> Makan dulu.
2	WPC 5:	<i>[Tidak mahu buka mulut]</i>
3	P:	<i>[Menghulurkan sudu] Tern lok hui sin, tern lok hui, tern lok hui, tern lok hu, sig yeh! Em hou sig mei? Nei em zong yi sig mei? Sig lok hui, tern lok hui, tern lok hui, [WPC menolak sudu] em moi, em moi!</i>
		Telan dulu, telan dulu, telan, telan, makan! Tak sedap mei? Kamu tak suka makan mei? Makan, telan, telan, jangan, jangan!

Dalam transkripsi 14 (contoh 5b), WPC 5 enggan makan bubur yang disuap secara tiba-tiba. Penjaga menggunakan soalan ekoran “*Em hou sig mei?*” (tak sedap mei?) dan “*Nei em zong yi sig mei?*” (kamu tak suka makan mei?) untuk mengetahui sebab WPC 5 enggan makan bubur tersebut.

Contoh 5c

Transkripsi 23

Seorang WPC 14 memberitahu PG bahawa dia ingin membeli ubat batuk.

3	WPC14:	<i>Yew mai yat ji kat yok sui.</i>
		Mahu beli sebotol ubat batuk.
4	PG:	<i>Yow kat mei? Nei?</i>
		Ada batuk mei? Kamu?
5	WPC14:	<i>Yow.</i>
		Ada.
6	PG:	<i>Em moi zig kam dol kat yok sui, guan zou loh!</i>
		Tak mahu minum banyak ubat batuk, nanti jadi satu tabiat.

Dalam transkripsi 23 (contoh 5c), WPC 14 meminta kebenaran PG untuk membelikan ubat batuk. PG menggunakan soalan ekoran “*Yow kat mei, nei?*” (Ada batuk mei, kamu?) sebab meragui tindakan WPC 14 yang selalu membeli ubat batuk (makluman penjaga).

#### 4.3.5(c) Fungsi Penggunaan Soalan Ekoran “ho”, “isn’t it” dan “kan”

Data kajian menunjukkan bahawa terdapat persamaan dalam fungsi penggunaan soalan ekoran “ho”, “isn’t it” dan “kan”. Partikel “ho” yang digunakan dalam dialek Kantonis mempunyai persamaan dengan makna “bukan?” atau “bukankah begitu?” dalam Bahasa Melayu. Penggunaan partikel “ho” juga sama dengan penggunaan soalan ekoran “isn’t it” dalam bahasa Inggeris. Fungsi penggunaan soalan ekoran “ho”, “isn’t it” dan “kan” adalah untuk mendapat persetujuan pendapat pendengar iaitu warga emas terhadap apa yang diperkatakan oleh penjaga.

**i. Penggunaan partikel “ho”, “isn’t it” dan “bukan kah” untuk mendapat persetujuan pendapat.**

Ketiga-tiga jenis soalan ekoran penggunaan soalan ekoran “ho”, “isn’t it” dan “bukan kah” digunakan oleh penjaga apabila penjaga ingin mendapatkan persetujuan sesuatu pendapat. Sila lihat contoh berikut.

Contoh 6a

Transkripsi 5

Pengurus bercakap dengan WPC 4 yang enggan makan dan terpaksa dipasangkan tiub setiap kali makan.

35	PG:	<i>Yan tei sig ye nei dim yong sig? Nei mong gei dium yong sig zor lok, hai mai?</i>
		Orang lain makan macam mana kamu nak makan? Kamu sudah lupa macam mana makan, betul tak?
36	WPC 4:	[Angguk]
37	PG:	<i>Nei em mou gum yong loh, ho?</i>
		Kamu jangan macam ini loh, ho?
38	WPC 4:	( )
39	PG:	<i>Nei mou sig ye , dang har hao long ngang zor, sig em dou ye la, gum nyat fai yew bong dor nyat kaul shu yong dai gum yong loh, dim yong hui sing ga por? Ha?</i>
		Kamu tak ada makan, nanti kerongkong telah jadi keras, tak boleh makan dah, nanti mahu ikat satu lagi tiub getah, macam mana mahu pergi Singapura?

Dalam transkripsi 5 (6a), penjaga cuba menasihatkan WPC4 supaya makan secara normal tanpa menggunakan tiub. Penjaga telah menggunakan soalan ekoran “ho” seperti yang ditunjuk dalam transkripsi 5:37 iaitu “*Nei em mou gum yong loh, ho?*” (Kamu jangan macam ini loh, ho?). Penggunaan soalan ekoran “ho” adalah untuk mendapatkan pandangan yang sama daripada WPC 4. PG cuba mempengaruhi persepsi WPC 4 bahawa WPC 4 perlu memberhentikan sikap pasif terhadap penyakit strok yang dialaminya dan perlu menerima kenyataan tersebut. Partikel “ho” digunakan oleh PG juga membawa maksud “betul tak ”di mana PG ingin WPC 4

memikirkan bahawa sikap pasifnya yang tidak mahu memakan akan membawa kesan buruk terhadap kesihatan dirinya.

Contoh 6b

Transkripsi 6

PG menegur WPC 5 yang baru mandi.

1	PG:	<i>Liang ho? Nei Gam nyat hou liang ho? Tow ngor mou? Oil coh mou? Oil coh ngor loh deng bei nei coh ah?</i>
		Cantik ho? Kamu sangat cantik hari ini, ho? Lapar tak? Nak duduk tak? Nak duduk saya ambil kerusi untuk kamu duduk ah?
2	WPC 5:	( )

Contoh 6c

Transkripsi 33

Pengurus menanya tarikh dan hari pada kalender kepada seorang WPI 17.

11	PG:	<b>No. Now is 20<sup>th</sup>, isn't it? 20<sup>th</sup> December, how many days?</b>
----	-----	---

Contoh 6d

Transkripsi 38

Jururawat India menanya WPC 9 yang menangis dalam transkripsi 37.

13	JJ:	[Menyampuk] Wah, sudah mandi banyak bau sedaplah! Wang hilang tak apa, <u>lu</u> banyak cantik sekarang, sudah pakai baju baru, baju bersih, kan? Soh Si?
----	-----	---

Dalam transkripsi 6 di atas (contoh 6b), PG menggunakan soalan ekoran “*Nei Gam nyat hou liang ho?*” (Kamu sangat cantik hari ini, ho?) supaya WPC 5 yakin dan setuju dengan apa yang diperkatakan olehnya. Dalam transkripsi 33 (contoh 6c), penjaga menggunakan soalan ekoran “isn't it” supaya WPI 17 setuju dengan tarikh yang disebut olehnya.

Fungsi untuk mendapat persetujuan pendapat juga dapat dilihat dalam soalan ekoran “kan” (bukan?) dalam contoh 6d. Transkripsi 38 (contoh 6d) menunjukkan penjaga cuba mempengaruhi WPC 9 supaya setuju dengan pendapatnya bahawa kehidupan

WPC 9 telah bertambah baik dan tidak WPC 9 tidak perlu mengambil kira sangat wang yang sudah hilang.

#### **4.3.6 Fungsi Penggunaan Soalan Pilihan, Soalan Retorik dan Soalan Ya/Tidak**

Selain daripada soalan ekoran, penjaga juga menggunakan soalan pilihan, soalan retorik dan soalan ya/tidak untuk berkomunikasi dengan warga emas. Menurut data kajian ini, jenis-jenis soalan ini digunakan bukan untuk tujuan menanyakan pendapat atau meminta warga emas memberikan jawapan mereka tetapi adalah untuk menghadkan jawapan dan untuk menunjukkan kuasa di kalangan penjaga.

##### **i. Penggunaan soalan retorik untuk menghadkan jawapan warga emas**

Seperti yang telah dibincangkan, soalan retorik merupakan soalan pertanyaan yang bukan untuk tujuan mendapat jawapan pendengar (4.3.3). Tujuan penjaga menggunakan soalan retorik bukan untuk jawapan warga emas, tetapi dengan tujuan supaya warga emas mendengar dan menerima apa yang dikatakan oleh penjaga. Oleh itu, fungsi soalan retorik adalah untuk menghadkan jawapan warga emas atau untuk mengelakkan mereka bercakap secara panjang lebar. Sila lihat contoh di muka surat 65.

Contoh 7a

Transkripsi 12

WPC 9 sering menanya Pengurus samada anaknya telah bayar yuran penjagaan.

1	PG:	Mai bong nei gong jor loh, ha, em sei lui gei, yow em gei de! Nei yit lei yit nyanyuk oh, mei qiu nyanyuk zi dou mou? Mei qiu nyanyuk? Ha?
		Sudah beritahu kamu loh, ha, tak payah wang! Kamu semakin hari semakin nyanyuk oh, apa itu nyanyuk tahu kah? Apa itu nyanyuk?
2	WPC 9:	( )
3	PG:	Nei zi dou ngor kong mei mou? Mong gei zor, mou gei seng loh!
		Kamu tahu apa saya cakap kah? Sudah lupa, tak boleh ingat!

7b

Transkripsi 5

Pengurus bercakap dengan WPC 4 yang enggan makan dan terpaksa dipasangkan tiub setiap kali makan.

23	PG:	<i>Ha, nei kek sum ga gi sig em dou ye? Nei ga gi em moi sig, dim yong?</i>
		<i>Ha, kamu sedih sebab kamu tak dapat makan? Kamu sendiri tak mahu makan, macam mana?</i>
27	PG:	<i>Nei em moi tern ah? Gum yau bin gor ho ye bong dou nei?</i>
		Kamu tak mahu telan ah? Macam ini siapa boleh tolong kamu?

Dalam transkripsi 12 (contoh 7a), penjaga telah menggunakan jenis soalan retorik dengan jawapan. PG dalam transkripsi 17 menanya WPC 9 makna nyanyuk kemudian memberikan jawabannya tanpa menunggu WPC 9 untuk menjawab atau respon terhadap apa yang ditanya.

Dalam transkripsi 5 (contoh 7b), apabila PG menanya mengenai sebab WPC 4 berasa sedih, PG menggunakan soalan retorik “*Nei ga gi em moi sig, dim yong?*” (*Kamu sendiri tak mahu makan, macam mana?*). Dalam konteks ini, adalah jelas bahawa soalan tersebut bukan untuk tujuan menanya, PG sebenarnya menggunakan soalan retorik untuk memberitahu WPC 4 bahawa WPC 4 sendiri yang menyebabkan diri

sendiri sedih. Dalam transkripsi 5:27 “*Gum yau bin gor ho ye bong dou nei?*” (Macam ini siapa boleh tolong kamu?), penjaga tidak menunggu WPC 4 memberikan jawapan sebab jawapan sebenarnya adalah ‘tidak ada orang yang dapat membantu kecuali diri kita sendiri’.

**ii. Penggunaan soalan pilihan dan soalan ya/tidak untuk menghadkan jawapan**

Ayat tanya pilihan dan ayat tanya ya/tidak menghalang warga emas menjawab secara bebas. Pilihan jawapan yang dibekalkan dalam soalan ekoran sama seperti “soalan yang tidak ada pilihan” dan soalan ya/tidak hanya membenarkan warga emas menjawab ‘ya’ atau ‘tidak’ tanpa apa-apa bantahan. Sila lihat contoh berikut.

Contoh 8a		
Transkripsi 16		
WPC 11 menangis ketika makan tengahari.		
4	P2:	<i>Zoh mak gai em sit, oil giao joy?</i>
		Mengapa tak makan, mahu nangis?
5	P3:	Chin Poh Len, sudah makan? Mau mandikah?
Contoh 8b		
Transkripsi 21		
PC marah kepada WLC 13 yang masih belum makan tengahari.		
1	PC:	<i>NEI OIL EM OIL SIG?</i>
		KAMU MAHU MAKAN TAK MAHU MAKAN?
Contoh 8c		
Transkripsi 26		
JC menyuap WPC 5 makan bubur.		
1	JC:	<i>Nei sig, oil bong mou? Oil bong mou?</i>
		Kamu makan, mahu ikat tak? Mahu ikat tak?

Contoh 8a, 8b dan 8c menunjukkan penggunaan soalan pilihan seperti “Chin Poh Len, sudah makan? Mau mandikah?” (transkripsi 16) , “KAMU MAHU MAKAN TAK MAHU MAKAN?” (transkripsi 21), “Kamu makan, mahu ikat tak? Mahu ikat tak?” (transkripsi 26). Ketiga-tiga soalan pilihan tersebut menghadkan WPC memberi jawapan samada “sudah makan atau belum makan, sudah mandi atau



belum mandi”, “mahu makan atau tidak mahu makan”, “mahu ikat atau tidak mahu ikat”. WPC tidak diberi peluang untuk mengatakan sebab menangis, sebab makan lewat atau sebab tidak mahu makan.

Selain daripada soalan pilihan, penjaga menggunakan soalan ya/tidak untuk menunjukkan kuasa. Sila lihat contoh berikut.

Contoh 9a

Transkripsi 5

Pengurus bercakap dengan WPC 4 yang enggan makan dan terpaksa dipasangkan tiub setiap kali makan.

35	PG:	<i>Yan tei sig ye nei dim yong sig? Nei mong gei dium yong sig zor lok, hai mai?</i>
		Orang lain makan macam mana kamu nak makan? Kamu sudah lupa macam mana makan, ya tak?

Contoh 9b

Transkripsi 7

Penjaga (3) membantu WPC 6 membuat latihan berjalan.

29	P3:	<i>Ni jiang yi ju hua na jin hui diao xia lai shi ma?</i>
		Kamu cakap sepatah perkataan nanti emas itu akan jatuh, ya tak?

Contoh 9c

Transkripsi 8

Beberapa penjaga sedang menyuap nasi kepada WPC 5.

8	P2:	<i>Na, nei zong yi sig, hai mai? Ah, pan-nai, Ah Poh, ah:!</i>
		<i>Na, kamu suka makan, betul tak? Ah, pandai, Nenek, ah:!</i>

Dalam contoh 9a, 9b dan 9c, soalan ya/tidak diakhiri dengan perkataan “ya tak”. Penjaga menghadkan jawapan warga emas kepada ya/tidak sahaja dan tidak menggalak warga emas untuk memberi penerangan selanjutnya. Ketiga-tiga jenis soalan pilihan dan soalan ya/tidak digunakan untuk menunjukkan kuasa penjaga yang menguasai keseluruhan komunikasi.

#### **4.3.7 Kesimpulan Ciri-ciri Ayat Tanya**

Ciri-ciri ayat tanya dalam *elderspeak* dikategori kepada 4 jenis soalan ekoran, soalan pilihan, soalan retorik dan soalan ya/tidak. Soalan ekoran pula boleh dibahagi kepada 6 jenis mengikut partikel yang digunakan pada akhir ayat iaitu “ah”, “ha”, “mei”, “ho”, “isn’t it” dan “bukankah”. Penggunaan ayat tanya dalam *elderspeak* bukan untuk mendapatkan jawapan bagi sesuatu soalan. Terdapat fungsi-fungsi tertentu penjaga menggunakan sesuatu jenis ayat tanya seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Data kajian telah menunjukkan bahawa penjaga menggunakan soalan ekoran “ah”, “ha” untuk fungsi penekanan maksud, memperolehi kepastian, membangkitkan respon dan melembutkan arahan. Soalan ekoran “mei” akan berfungsi sekiranya penjaga kurang yakin atau meragui tindakan warga emas. Fungsi soalan ekoran “ho”, “isn’t it” dan “bukankah” adalah untuk mendapatkan persetujuan pendapat warga tua. Manakala fungsi soalan pilihan, soalan retorik dan soalan ya/tidak digunakan oleh penjaga untuk menghadkan jawapan warga emas.

#### **4.4 Ciri-ciri Pengulangan**

Pengulangan juga merupakan ciri-ciri *elderspeak*. Ciri-ciri pengulangan dapat dikategorikan kepada pengulangan item leksikal, pengulangan makna dan peniruan ujaran.

#### 4.4.1 Pengulangan item leksikal

Data kajian menunjukkan bahawa terdapat 3 bentuk pengulangan item leksikal iaitu pengulangan item leksikal tunggal, pengulangan frasa dan pengulangan ayat seperti contoh berikut (jadual 4.9).

**Jadual 4.9 Contoh Pengulangan Item Leksikal**

Bentuk Pengulangan Item Leksikal	Transkripsi	Item leksikal yang diulang	No. Transkripsi
Item leksikal tunggal	<i>Ah Heng gor, Ah Heng gor, lei lah, hang lou lah, em moi beng mai, lei lah, gor dou.</i> (Abang Ah Heng, Abang Ah Heng, marilah, berjalanlah, jangan sembunyikan diri, marilah, pergi sana.)	<i>lei lah</i>  marilah	2:1
Frasa	<i>Mou ah? Zou mei mi mai ngan? Hoi ngan, hoi ngan, ah...</i> (Tak ada ah? Kenapa tutup mata? Buka mata, buka mata, ah...)	<i>Hoi ngan</i>  Buka mata	20:12
Ayat	Lai, zai qian mian yi dian. Zai qian mian yi dian. Zai qian mian yi dian.  Mari, ke depan sedikit. Ke depan sedikit lagi. Ke depan sedikit lagi.	Zai qian mian yi dian.  Ke depan sedikit lagi.	7:13

#### 4.4.1(a) Fungsi Penggunaan Pengulangan Item Leksikal

Terdapat 2 fungsi pengulangan item leksikal yang dilakukan oleh penjaga dalam kajian ini. Fungsi ini termasuk memberi arahan dan memberi penekanan terhadap sesuatu topik.

### i. Pengulangan item leksikal untuk memberi arahan

Fungsi penggunaan item leksikal adalah untuk memberi arahan kepada warga emas. Contoh berikut menunjukkan fungsi arahan dalam pengulangan item leksikal tunggal.

Contoh 10a		
Transkripsi 2		
Penjaga menyuruh WLC 2 bangun dari kerusi untuk senaman.		
1	JC:	[Menarik tangan WLC ] <i>Ah Heng gor, Ah Heng gor, lei lah, hang lou lah, em moi beng mai, lei lah, gor dou.</i>
		Abang Ah Heng, Abang Ah Heng, marilah, berjalanlah, jangan sembunyikan diri, marilah, pergi sana.
Contoh 10 b		
Transkripsi 7		
Seorang penjaga (P3) membantu WPC 6 membuat latihan berjalan.		
15	P3:	Hai, zai qian mian yi dian cai zhuan! Ni de shou yao fang zhe bian, ni de jiao zai zhuan yi dian, ah:, zai na bian yi dian dian...ke yi, zhuan, lai, zhuan, zhe ge shou ye yao zhuan, ha:!
		Hai, jalan ke depan sedikit baru pusing! Tangan kamu letak sini, Kaki kamu pusing sedikit lagi, ah, ke sana sedikit lagi...boleh, pusing, mari, pusing, tangan ini mahu pusing juga, ha:!
Contoh 10c		
Transkripsi 11		
PC dan PIN menyuruh WPC 2 minum Milo.		
2	PIN:	[Kepada WPC2] Minum Milo kasi habis!
3	WPC 2:	[Tidak mahu minum]
4	PIN:	[Marah] KASI HABIS! KASI HABIS! YUM! YUM!
		MINUM! MINUM!

Dalam transkripsi 2 (contoh 10a), PG mengulangi item leksikal “marilah” semasa mengarahkan WLC 2 untuk bersenam. P3 dalam transkripsi 7 (contoh 10b) mengulangi item leksikal “zhuan” (pusing) sebanyak 5 kali supaya WPC 6 mengikut

arahannya untuk pusing balik ketika latihan berjalan. Dalam transkripsi 11 (contoh 10c), PIN menyuruh WPC 2 “yum” (minum) sebanyak 3 kali sebagai arahan untuk WPC 2 menghabiskan Milo yang diberi.

Penjaga juga mengulang dalam bentuk frasa untuk memberi arahan kepada warga emas. Sila lihat contoh berikut.

<p>Contoh 11a          Transkripsi 8          Beberapa penjaga sedang menyuap nasi kepada WPC 5.</p>		
6	P2:	<i>Sig nyat tam, lei, sig nyat tam, lei! Pan-nai, hou sig gei, lei, na, ni d.</i>
		<i>Makan sejemput, mari, makan sejemput, mari! Pandai, sedap, mari, na, makan ini.</i>
<p>Contoh 11b          Transkripsi 20          JC memarah seorang WPC 15 berlatih berjalan sambil menegur WLC 12 yang tertidur di atas kerusi.</p>		
1	JC:	<i>Nei yao tao wan mou?</i>
		Kamu ada pening kepala?
2	WLC 12:	[Geleng kepala. Mata masih tutup]
3	JC:	<i>Mou ah? Zou mei mi mai ngan? Hoi ngan, hoi ngan, ah...</i>
		Tak ada ah? Kenapa tutup mata? Buka mata, buka mata, ah...
<p>Contoh 11c          Transkripsi 26          JC menyuap WPC 5 makan bubur.</p>		
7	WPC 5:	[WPC geleng, enggan buka mulutnya]
8	JC:	<i>Em mo! Fai di sig! Fai di sig! Tern lok hui!</i>
		Tak mahu! Cepat makan! Cepat makan! Telan!

Dalam transkripsi 8 (contoh 11a), P2 mengulang frasa “*Sig nyat tam, lei, sig nyat tam*” (makan sejemput) untuk memberi arahan kepada WPC 5 untuk makan. JC dalam transkripsi 20 (contoh 11b) mengulangi frasa “*Hoi ngan, hoi ngan*” (buka mata) untuk mengarahkan WLC 12 bangun dan mengayuh basikal. Dalam transkripsi 26

(11c), WPC 5 tidak mahu membuka mulutnya untuk disuap. JC menggunakan ulangan frasa “*fai di sig, fai di sig*” (cepat makan) sebagai arahan kepada WPC 5 untuk makan.

Penjaga juga mengulang dalam bentuk ayat ketika mengarahkan warga emas untuk melakukan sesuatu. Sila lihat contoh berikut.

Contoh 12a		
Transkripsi 7		
Penjaga (3) membantu WPC 6 membuat latihan berjalan.		
13	P3:	Zuo me ni bu gen wo jiang hua de? You ma? Ha? Lai, zai qian mian yi dian. Zai qian mian yi dian. Zai qian mian yi dian.
		Mengapa kamu tidak cakap dengan saya? Ada tak? Ha? Mari, ke depan sedikit. Ke depan sedikit lagi, ke depan sedikit lagi.
Contoh 12b		
Transkripsi 22		
Dua pelawat (PT)duduk bersebang di pintu hadapan. Penjaga menyuap WPC 5 makan ubat.		
14	WPC 5:	[Menolak tangan PG yang memegang sudu sambil menggeleng kepala]
15	PG:	<i>Sik joh sin! Ga gi sik! Ga gi sik!</i>
		Makan dulu! Sendiri makan! Sendiri makan!

Ayat “Zai zou qian mian yi dian” diulang oleh Penjaga dalam transkripsi 7 (12a) untuk fungsi memberi arahan kepada WPC 6 supaya berjalan ke hadapan sedikit. Dalam transkripsi 22 (contoh 12b), apabila WPC 5 enggan disuap, PC mengulang ayat “Sendiri makan! Sendiri makan!” sebagai arahan kepada WPC 5 untuk menyuap diri sendiri.

**ii. Pengulangan item leksikal untuk memberi penekanan kepada sesuatu topik.**

Pengulangan juga dilakukan oleh penjaga untuk tujuan memberi penekanan terhadap sesuatu topik. Berikut adalah contoh pengulangan item leksikal untuk penekanan sesuatu topic dalam contoh berikut.

Contoh 13a  
 Transkripsi 34  
 PG menanya tarikh dan hari pada kalender kepada WPC 3.

18	PG:	<i>Mei lei gei? Ni di mei lei gei? Ha? Ze ge! Ze ge!</i>
		Apa? Apa ini? Ha? Ini! Ini!

Dalam transkripsi 34 (contoh 13a), PG mengulang item leksikal “apa” dan “ini” untuk fungsi memberi penekanan terhadap topik pertanyaan iaitu tarikh dan hari pada kalender yang ditunjukkan kepada WPC 3.

Pengulangan item leksikal dalam bentuk frasa dilakukan oleh penjaga semasa menekankan sesuatu topik. Sila lihat contoh berikut.

Contoh 14a  
 Transkripsi 10  
 Jururawat sedang mencuci luka WLC 8 yang telah dijahit akibat jatuh.

1	JC:	Gum em tang wa! Hou tong gar! Nei em tang wa!
		Sangat tidak dengar cakap! Sangat sakit punya! Kamu tidak dengar cakap!
4	WLC 8:	<i>Yiu dit tow yao mei ban fatt?</i>
		Mahu jatuh apa boleh buat?
		[Suara sembang]
5	JC:	<i>Mei mou ban fatt? Bei nei tung loh, em tang wa!</i>
		Apa tak boleh buat? Biar kamu rasa sakit loh, tak dengar cakap!

Dalam transkripsi 10 (contoh 14a), penjaga mengulang frasa untuk memberi penekanan terhadap topik yang hendak disampaikan. PG memberi teguran kepada WLC 8 yang jatuh akibat tidak meminta penjaga untuk memapahnya ketika berjalan. Frasa “em tang wa” (tak dengar cakap) diulangi 3 kali sebab PG ingin memberi penekanan terhadap topik perbualan tersebut untuk menekankan bahawa punca WLC 8 jatuh adalah disebabkan ‘tidak mendengar cakap’.

Contoh 14b

Transkripsi 13

Jururawat membersihkan luka seorang WPC 10 yang telah menjalani pembedahan apendiks.

13	JC:	<i>Hen? Mou hong ak, hong em mai gam yong ga!</i>
		<i>Gatal? Tak ada merah, merah bukan macam ini!</i>
14	WPC 10:	<i>HONG AH!</i>
		Merah ah!
15	JC:	<i>Mou hong ak!</i>
		Tak ada merah!

Contoh 14c

Transkripsi 39

Jururawat Melayu membuat catatan di meja depan sambil berbual-bual dengan WPC 9 yang duduk di hadapannya.

13	PM:	Ai: yoh, marilah sini, belum siap, belum siaplah!
----	-----	---

Dalam transkripsi 13 (contoh 14b), WPC 10 mengadu lukanya merah dan gatal. PG mengulang frasa “*Mou hong ak!*” (Tak ada merah!) diulang dalam bentuk frasa untuk menekankan bahawa luka WPC 10 bukan merah, dan dalam keadaan yang terkawal. JM dalam transkripsi 39 (contoh 14c) mengulang frasa “belum siap, belum siap” untuk menekankan topiknya bahawa nasi belum disediakan lagi.



Fungsi memberi penekanan terhadap sesuatu topik juga dilakukan dalam bentuk pengulangan ayat. Sila lihat contoh berikut.

Contoh 15a		
Transkripsi 4		
WPC dan JC adalah orang yang sama di Data 3. JC memapah WPC 3 membuat latihan berjalan.		
23	JC:	Ah Keong ah? Ah Keong belum datang.
24	WPC 3:	Ah Keong saya punya abang.=
25	JC:	=Choy!(Touch wood) Ah Keong <b>you</b> punya anaklah! Ai yah! Awak punya anak cakap <b>you</b> punya abang! Ah Keong <b>you</b> punya anak:
Contoh 15b		
Catatan Lapangan 08		
Penjaga menanya WLC 2 samada mahu minum sup ketika makan tengahari.		
<i>“Ah Tung goh, yum thong ma? Deng zhan ngor loh jiong deng bei nei,deng zhan ngor loh jiong deng bei nei.”</i>		
(Abang Ah Tung, mahu minum sup ma? Nanti saya ambil sebuah kerusi untuk kamu,nanti saya ambil sebuah kerusi untuk kamu.)		
Contoh 15c		
Transkripsi 26		
JC menyuap WPC 5 makan bubur.		
1	JC:	<i>Nei sig, oil bong mou? Oil bong mou?</i>
		Kamu makan, mahu ikat tak? Mahu ikat tak?
2	WPC 5:	[menggeleng]
3	JC:	<i>Em moi ah? Fai ti sig.</i>
		Tak mahu ah? Cepat makan.

Penjaga dalam transkripsi 4 (15a), WPC 3 yang berumur 86 tahun. WPC 3 ini selalu mengharapkan anak sulung lelaki datang untuk membawanya pulang. Semasa audio rekoding, WPC 3 menyebut anaknya, Ah Keong sebagai suaminya. Ulangan ayat dilakukan oleh JC dalam transkripsi 4:25 “Ah Keong you punya anaklah!” untuk memberi penekanan kepada topik bahawa Ah Keong adalah anak WPC 3.

Ulangan yang dilakukan oleh penjaga dalam catatan lapangan 08 (contoh 15b) adalah untuk memberi penekanan bahawa sekiranya WLC 2 mahu minum sup, penjaga akan mengambil kerusi untuk WLC 2 meletakkan sup di atas. Dalam transkripsi 26 (contoh 15c), JC mengulang ayat “Mahu ikat?” untuk menekankan bahawa WPC 5 akan diikat tangannya jika tidak mahu makan bubur.

#### **4.4.2 Pengulangan makna**

Pengulangan makna dalam kajian ini bermakna mengulangi makna yang sama dengan menggunakan item leksikal yang berlainan atau menyampaikan makna yang sama dalam bentuk ayat yang berlainan. Data kajian ini, ciri-ciri pengulangan makna wujud ketika penjaga mengulangi sesuatu makna melalui penggunaan item leksikal yang berlainan atau penukaran kod.

#### **4.4.2(a) Fungsi Pengulangan Makna**

Fungsi penggunaan pengulangan makna adalah untuk menyampaikan mesej dengan lebih jelas ketika berkomunikasi dengan warga emas. Fungsi ini dapat dilihat ketika penjaga menggunakan item leksikal atau ayat yang berlainan untuk mengatakan maksud yang sama. Sila lihat contoh di muka surat 77.

Contoh 16a

Transkripsi 5

Pengurus bercakap dengan WPC 4 yang enggan makan dan terpaksa dipasangkan tiub setiap kali makan.

5	PG:	<i>Ha? Nei gum mun sig ah? Zao lei gor nin la, em moi gum yong lah! Dim yong? Dim yong fan hui?</i>
		Ha? Kamu makan malam ini ah? Sudah dekat nak raya, tak mahu macam ini lah! Macam mana? Macam mana mahu balik rumah?
39	PG:	<i>Nei mou sig ye , dang har hao long ngang zor, sig em dou ye la, gum nyat fai yew bong dor nyat kaul shu yong dai gum yong loh, dim yong hui sing ga por? Ha?</i>
		Kamu tak ada makan, nanti kerongkong telah jadi keras, tak boleh makan dah, nanti mahu ikat satu lagi tiub getah, macam mana mahu pergi Singapura?

Dalam transkripsi 5 (contoh 16a), ketika PG cuba menasihatkan WPC 4, PG telah mengulang makna yang sama di transkripsi 5:5 dari transkripsi 5:39. Tujuan PG adalah supaya WPC 4 memahami dengan jelas bahawa WPC 4 tidak akan dapat pulang ke rumahnya sekiranya dia tidak mahu makan secara sendiri dan masih bergantung kepada cara memakan melalui tiub makanan. Pengulangan makna ini berfungsi untuk menyampaikan mesej dengan lebih jelas bahawa sekiranya WPC 4 masih mahu makan dengan cara bergantung kepada tiub makanan, anaknya tidak akan membawanya ke Singapura.

Contoh 16b

Transkripsi 13

Jururawat membersihkan luka seorang WPC 10 yang telah menjalani pembedahan apendiks.

23	WPC10:	<i>Low bai yow cer, mou yeh sig er!</i>
		Makan dengan kicap sahaja, tak ada apa makan er!
24	JC:	<i>Low bai yow em hou wo.</i>
		Makan dengan kicap tak baik wo.
25	WPC10:	<i>Zou mei?</i>
		Mengapa?
26	JC:	<i>Low bai yow mou ying yong, siong hou kan nan hou wo!</i>
		Makan dengan kicap tak ada nutrien, luka susah sembuh wo!

Contoh 16c

Catatan Lapangan 17

Konteks: Penjaga cuba memujuk WPC 5 yang enggan makan nasi.

*“Sig jai gum nyat, sig zai gum nyat, coh nyat lei gei”*

(Makan sayur hari ini, makan sayur hari ini, hari ini adalah ‘coh nyat’.)

*“Gum nyat coh nyat ah? Sig zai ho? Mou sig yoke ho?”*

(Hari ini ‘coh nyat’ ah? Makan sayur ho? Tak ada makan daging ho?)

PG mengulangi makna yang sama dari transkripsi13:24 ke transkripsi13:26 (contoh 16b) dengan tujuan menyampaikan mesej dengan lebih jelas kepada WPC 10 bahawa “makan kicap dengan nasi sahaja adalah tidak baik kerana tidak ada nutrien”.

Dalam catatan lapangan 17 (contoh 16c), penjaga terpaksa menipu WPC 5 (yang menganuti agama Buddha) bahawa hari tersebut adalah “coh nyat” iaitu hari pertama dalam kelender Cina. Ini bermakna hari tersebut adalah hari ‘vegetarian’ untuk kaum Cina yang beragama Buddha dan WPC 5 perlu makan sayur. Penjaga mengulangi makna “coh nyat” dengan “tak ada makan daging” untuk menyampaikan mesej dengan lebih jelas kepada WPC 5 bahawa dia perlu makan nasi dan sayur pada hari tersebut .

### 4.4.3 Peniruan ujaran

Peniruan ujaran dalam kajian ini adalah merujuk kepada keadaan seseorang penjaga mengulang apa yang telah diperkatakan oleh seseorang warga emas.

#### 4.4.3(a) Fungsi Peniruan ujaran

Fungsi penggunaan peniruan ujaran adalah sebagai tanda memahami maksud yang disampaikan oleh warga emas dan juga sebagai tanda sependapat dengan warga tua.

##### i. Peniruan ujaran sebagai tanda memahami maksud yang disampaikan

Penjaga menggunakan fungsi peniruan untuk memberi penanda bahawa telah faham apa yang diperkatakan oleh warga emas. Sila lihat contoh berikut.

Contoh 17a Transkripsi 28 JI dan PC sedang menjalankan tugas memeriksa tekanan darah tinggi .		
8	JI:	[Kepada WPC] Gu Yong Ang, saya sudah keluar semua barang dari dalam perut ah, o.k? Ah, sekarang you punya perut sudah banyak kosong, o.k?
9	WPC 4:	O.k.
10	JI:	Sudah kosong senang ah?
11	WPC 4:	Baik.
12	JI:	Baiklah, ah?

WPC 4 dalam transkripsi 28 (contoh 17a) tidak mahu makan setiap hari dan akan bermasam muka apabila jururawat hendak memasukkan makanan ke dalam tiub makanan yang dipasang padanya. Oleh sebab itu, semasa JI ingin menuang masuk susu ke dalam tiub makanan, beliau mengatakan bahawa dia sedang mengeluarkan semua makanan dari dalam perut WPC 4 supaya perut WPC 4 kosong dan berasa selesa selepas itu. WPC 4 menjawab “baik” apabila JI menanya samada WPC 4 berasa senang hati sebab sudah tidak ada makanan dalam perutnya. JI meniru

jawapan WPC 4 (“Baiklah”) sebagai tanda dia telah mendengar dan memahami apa yang diperkatakan oleh WPC 4.

Contoh 17b

Transkripsi 37

WPC 9 menangis di atas sofa setelah keluar dari bilik tidur. Seorang jururawat sedang membuat catatan.

5	WPC 9:	Mandi punya... Saya pergi mandi rui tak ada sini!
6	PM:	Oh...pergi mandi <i>rui</i> sudah hilang!

Transkripsi 17c

JC menegur dua WPC 19 dan WPC 23 yang duduk di atas sofa dekat dengan pintu besar.

6	JC:	[Kepada WPC 19] Binggung! <i>Lu jor siam mit ha?</i>
		Kamu buat apa ha?
7	WPC 19:	Bo!
		Tidak ada!
8	JC:	Bo ah?
		Tidak ada ah?

Dalam transkripsi 37 (contoh 17b), PM meniru jawapan WPC 9 (“Oh...pergi mandi *rui* sudah hilang!”) untuk menunjukkan dia sudah faham sebab WPC 9 menangis. JC dalam transkripsi 41 (contoh 17c) meniru jawapan WPC 19 iaitu “Boh ah?” (Tidak ada ah?) untuk memaklumkan kepada WPC 19 bahawa dia memahami apa yang telah disebut oleh WPC 19.

## ii. Peniruan ujaran sebagai tanda sependapat

Penjaga mengulang ujaran warga emas untuk menunjukkan mempunyai pendapat yang sama terhadap sesuatu topik. Sila lihat contoh di muka surat 81.

Contoh 18 a  
Transkripsi 3

Pada waktu senaman pagi, JC memapah WPC 3 berjalan.

28	JC:	[Kepada WPC yang berhenti berjalan] Jalanlah. Hari ini buat apa ha? Cakap Melayu, mau jadi orang Melayu ah?
29	WPC 3:	Ai yah, Melayu apa, Melayu pun orang kot?
30	JC:	Oh:, Melayu pun orang. (ketawa)
31	WPC 3:	Melayu pun orang, Cina pun orang...
32	JC:	India pun orang, " <u>Ang Mo</u> " (orang putih) pun orang.
33	WPC 3:	Sama, sama.

Dalam transkripsi 3 (contoh 18a), JC menanya sebab WPC 3 bertutur dalam Bahasa Melayu pada hari tersebut. WPC 3 menjawab bahawa "Melayu pun orang, Cina pun orang..." yang membawa maksud semua orang boleh bercakap dengan bahasa yang belainan. JC seterusnya meniru apa yang telah disebut oleh WPC 3 dengan ujaran "India pun orang, "Ang Mo" (orang putih) pun orang" sebagai tanda menyetujui pendapat WPC 3.

#### 4.4.4 Rumusan Ciri-ciri Pengulangan

Ciri-ciri pengulangan merangkumi 3 kategori iaitu pengulangan item leksikal, pengulangan makna dan peniruan ujaran. Pengulangan item leksikal dilakukan oleh penjaga dengan mengulangi item leksikal tunggal, mengulangi frasa atau mengulangi sesuatu ayat. Fungsi ciri-ciri pengulangan item leksikal adalah untuk memberi sesuatu arahan kepada warga emas dan untuk memberi penekanan terhadap sesuatu topik dalam wacana. Pengulangan makna dilakukan oleh penjaga untuk tujuan menyampaikan mesej dengan lebih jelas.

#### 4.5 Ciri-ciri Perbendaharaan kata Yang Terhad

Ciri-ciri perbendaharaan kata yang ringkas dan terhad dalam kajian ini adalah merujuk kepada penggunaan item leksikal dan frasa yang terhad oleh penjaga ketika berkomunikasi dengan warga emas. Sila lihat contoh dalam jadual 4.10 berikut.

**Jadual 4.10 Contoh Penggunaan Perbendaharaan kata Yang Terhad**

Penggunaan Perbendaharaan kata Yang Terhad			
Item leksikal	No.transkripsi	Frasa	No.Transkripsi
<i>Lai</i> (mari)	37:11	ini letak	18:7
<i>yum</i> (minum)	11:4	<i>Cai dan che</i> (Gayuh basikal)	17:1
<i>mun-mun</i> (perlahan-perlahan)	8:7	kasi habis	11:4
<i>lei</i> (mari)	17:3	<i>Hoi ngan</i> (buka mata)	17:1
	18:1	<i>Lei ni dou</i> (mari sini)	17:3

##### 4.5.1 Fungsi Penggunaan Perbendaharaan kata Yang Terhad

Fungsi penggunaan perbendaharaan kata yang terhad dalam wacana penjaga adalah untuk menunjukkan kuasa sebagai penjaga. Perbendaharaan kata yang terhad dalam jadual 4.11 seperti ‘minum’, ‘ini letak’ digunakan oleh penjaga sebagai fungsi kata kunci fungsi (*functional keywords*) untuk memberi arahan. Sila lihat contoh di muka surat 83.



Contoh 19a

Transkripsi 8

Beberapa penjaga sedang menyuap nasi kepada WPC 5.

7	P3:	<i>Mun-mun, mun-mun...</i>
		<i>Perlahan-perlahan, perlahan-perlahan...</i>

Contoh 19b

Transkripsi 11

PC dan PIN menyuruh WPC 18 minum Milo.

1	PC:	[Menyuap WPC1] Panai!
		Pandai!
2	PIN:	[Kepada WPC2] Minum Milo kasi habis!
3	WPC 18:	[Tidak mahu minum]
4	PIN:	[Marah] KASI HABIS! KASI HABIS! YUM! YUM!
		MINUM! MINUM!
5	PC:	[Kepada WPC2] Pandai! Ah: yum lah!
		Ah: minumlah!

Transkripsi 8 (contoh 19a) dan transkripsi 11 (contoh 19b) menunjukkan penggunaan perbendaharaan kata yang terhad semasa penjaga mengarahkan warga emas untuk makan dan minum. Frasa “minum perlahan-perlahan” dalam transkripsi 8 diringkaskan kepada “mun-mun” (perlahan-perlahan) ketika penjaga mengarahkan WPC 5 makan bubur. Dalam transkripsi 11, arahan diberi oleh PC dan PIN dengan menggunakan tatabahasa terhad seperti frasa “kasi habis” (Minum habis Milo) dan item leksikal “yum” (minum). Penggunaan perbendaharaan kata yang terhad adalah sebagai kata kunci fungsi untuk memberi arahan kepada warga emas.

Contoh 19c

Transkripsi 17

WLC 20 yang tengah buat senaman berbasikal tertidur.

1	JC:	<i>Hoi ngan! Cai dan che, zi mou?</i> Buka mata! Gayuh basikal, tahu tak?
2	WLC 20:	[Terjaga]
3	JC:	<i>Lei, ni dou!</i> [Menunjuk alatan senaman dan menyuruh WLC mengayuh ] <i>Lei lah!</i> Mari, sini! Marilah!

Contoh 19d

Transkripsi 18

Jururawat memapah warga tua menjalani senaman berjalan.

1	JC:	[Menarik tangan WPC yang sedang duduk di atas kerusi] <i>Hui Hui, lei, hei shen!</i>
		Hui Hui, mari, bangun!
7	JC:	[Meletak tangan WPC ke atas palang besi] Ini letak, jalan!

Dalam transkripsi 17 (contoh 19 c), penggunaan frasa oleh JC adalah terhad kepada “Hoi ngan” (buka mata), “lei ni dou” (mari sini), “lei” (mari) semasa mengarahkan WLC 20 yang tertidur bangun untuk meneruskan aktiviti mengayuh basikal.

Penggunaan frasa yang terhad dan juga didapati dalam transkripsi 18 (contoh 19d) di mana JC menarik tangan WPC 3 dan menyuruhnya “Mari, bangun!”, tanpa mengatakan sebabnya. Semasa senaman, JC menggunakan meringkaskan arahnya kepada “lai” (mari), “hang” (jalan). Untuk mengingatkan WPC 3 memegang palang besi pada landasan berjalan, JC menggunakan frasa yang ringkas iaitu “Ini letak, jalan!”. Penggunaan perbendaharaan kata yang terhad ini menunjukkan kuasa penjaga sebagai orang yang berkuasa mengawal dan memberi arahan.

#### 4.5.2 Rumusan Ciri-ciri Perbendaharaan kata Yang Terhad

Penjaga menggunakan item leksikal tunggal atau frasa yang ringkas dan terhad ketika berkomunikasi dengan warga emas. Ciri-ciri perbendaharaan kata yang ringkas berfungsi sebagai kata kunci fungsi semasa memberi arahan dan untuk mengawal kumpulan warga emas.

#### 4.6 Ciri-ciri Sintaksis Yang Ringkas

Ciri-ciri sintaksis yang ringkas dalam kajian ini merujuk kepada penggunaan struktur ayat yang telah diringkaskan. Sila lihat contoh dalam jadual 4.11.

**Jadual 4.11 Contoh Penggunaan Sintaksis Yang Ringkas**

Contoh Penggunaan Sintaksis Yang Ringkas	
Transkripsi	No. Transkripsi
<i>Nei zog ju ngor , ngor zog ju nei oil gum dai liker mei?</i> (Kamu pegang saya, saya pegang kamu perlu begitu kuat mei?)	38:11
Ai yah, <b>you</b> pusing dulu, pusing sekejap, saya takut.	3:10
Jangan gelaklah, nanti jatuh oh, ada gigi emas.	3:22
<i>Zor yei ha?</i> Buat kerja ha?	6:5
<i>diam diam coh ah?</i> (Duduk diam-diam, ah? )	6:5
<i>Pan nai ah?</i> (Pandai, ah?)	6:5
Duduk belakang.	27:15
Sin Kee! Ada dua kedai !	31:3
Betul-betul ada oh..., tapi tauke sini duduk.	31:5
<b>December got how many day?</b>	33:13
<b>After 26 is what?</b>	33:32

##### 4.6.1 Fungsi Penggunaan Sintaksis Yang Ringkas

Menurut respon penjaga, tujuan mereka menggunakan struktur ayat yang ringkas dan ayat pendek adalah untuk memudahkan pemahaman warga emas mengenai apa yang dituturkan oleh mereka. Penjaga berpendapat warga emas tidak dapat memahami

maksud mereka jika mereka menggunakan ayat yang lebih panjang. Ini bermakna, penjaga menggunakan ayat pendek sebab mempunyai tanggapan negatif terhadap keupayaan pemahaman warga emas rendah. Berikut adalah contoh-contoh penjaga menggunakan struktur ayat yang ringkas.

Contoh 20a

Transkripsi 2

Penjaga menyuruh WLC 2 bangun dari kerusi untuk senaman.

11	JC:	<i>Nei geng? Nei zog ju ngor , ngor zog ju nei oil gum dai lik ger mei?</i>
		Kamu takut? Kamu pegang saya, saya pegang kamu perlu begitu kuat mei?

Dalam transkripsi 2 (contoh 20a), JC ingin memberitahu WLC 2 supaya jangan memegang tangannya degan terlalu kuat. Untuk memudahkan pemahaman WLC 2, JC telah menggunakan struktur ayat yang ringkas “*Nei zog ju ngor , ngor zog ju nei oil gum dai lik ger mei?*” (Kamu pegang saya, saya pegang kamu perlu begitu kuat mei?)

Contoh 20b

Transkripsi 3

Pada waktu senaman pagi, JC memarah WPC 3 berjalan.

10	JC:	Ai yah, <b>you</b> pusing dulu, pusing sekejap. Saya takut. Pusing,pusing, pusing, ah, kita jalan balik ah? Ah:, jalan balik.
22	JC:	Jangan gelaklah, nanti jatuh oh, ada gigi emas.

Dalam transkripsi 3 (contoh 20b), JC ingin memberitahu WPC 3 yang sudah jalan ke hujung landasan berjalan berpusing balik ke arah yang bertentangan. JC menggunakan ayat pendek “Saya takut. Pusing, pusing, pusing, ah ” untuk menyampaikan maksud JC sebenarnya adalah “Berhati-hati semasa semasa pusing, saya bimbang kamu akan jatuh

nanti.” Struktur ayat JC Transkripsi 3:22 menunjukkan JC menggunakan struktur ayat yang ringkas “Jangan gelaklah, nanti jatuh oh, ada gigi emas.” untuk menyampaikan maksud “memberi tumpuan semasa latihan berjalan, jangan asyik gelak, kalau jatuh gigi emas WPC 3 akan patah”.

Contoh 20c

Transkripsi 6

PG menegur WPC 5 yang baru mandi.

5	PG:	<i>Oil soh tao? Mor tao zor mei? Soh tao? Yew gin tao fatt ah? Kum nyat sin jin zor, em sai. Mor tao zor mei? Zor yei ha, diam diam coh ah? Pan nai ah?</i>
		Nak sikat rambut? Kenapa sentuh rambut? Sikat rambut? Nak gunting rambut? Semalam baru gunting, tak payah. Sentuh rambut buat apa? Buat kerja ah? Duduk diam-diam, ah? Pandai, ha?

PG dalam transkripsi 6 (contoh 20 c) menggunakan 3 ayat yang ringkas untuk menyampaikan satu mesej. Ayat “Zor yei ha?” (Buat kerja ah) “Diam-diam coh ah” (duduk diam-diam) dan “pannai ah” (pandai ah) adalah dalam satu ayat “Saya ada kerja nak buat, kamu pandai-pandai bawa diri dan duduk diam-diam ”. Cara PG menggunakan struktur ayat yang ringkas tersebut adalah untuk memudahkan pemahaman WPC 5 sebab menganggap WPC5 tidak dapat memahami maksudnya.

Contoh 20d

Transkripsi 27

JI bersembang dengan seorang WPC 4 pada waktu petang.

15	JI:	[Kepada WPC] Duduk belakang.
----	-----	------------------------------

Contoh 20e

Transkripsi 31

Penjaga menyuap WPC 21 makan nasi. Mereka bersembang tentang WPC 3 yang duduk di sebelah mereka.

1		[Suara bersembang yang bisng]
2	WPC 21:	Ini tauke kedai. Dulu datuk saya=
3	PI:	= Sin Kee! [nama kedai] Ada dua kedai !
4	WPC 21:	Yakah?
5	PI:	Betul-betul ada oh..., tapi tauke sini duduk.
6	WPC 21:	Yakah?

Dalam transkripsi 27 (contoh 20d), untuk menyuruh WPC 4 yang sedang duduk menyandar pada kerusi, JI menggunakan ayat pendek “duduk belakang”. Dalam transkripsi 31 (contoh 20e), PI bersembang dengan WPC 21 mengenai latar belakang WPC3 . WPC 3 merupakan seorang peniaga pada masa mudanya. PI mengguna struktur ayat ringkas “Sin Kee! Ada dua kedai” dan “tapi taukeh sini duduk” sebagai memberi diskripsi mengenai WPC 3 yang memiliki dua buah kedai pada masa mudanya tetapi terpaksa tinggal di rumah warga emas akhirnya.

Contoh 20 f

Transkripsi 33

PG menanya tarikh dan hari pada kalender kepada seorang WPI 17.

13	PG:	<b>December got how many day?</b>
----	-----	-----------------------------------

32	PG:	<b>After 26 is what? After 26 is what?</b>
----	-----	--

PG dalam transkripsi 33 (contoh 20f) sedang menanya WPI 17 mengenai tarikh dan hari di atas kalender. PG menggunakan struktur ayat “December got how many days?”

dan “After 26 is what?” untuk memudahkan pemahaman WPI 17 walaupun WPI 17 dapat bertutur dalam Bahasa Inggris.

Pada pendapat pengkaji, struktur ayat yang terlalu ringkas dan ayat pendek tidak dapat membantu warga emas untuk memahami maksud penjaga dengan baik. Penggunaan ayat pendek yang terlalu ringkas mengelirukan penyampaian maksud ayat tersebut seperti contoh 20b, 20d dan 20e.

#### **4.6.2 Rumusan Ciri-ciri Sintaksis Yang Ringkas**

Ciri-ciri tatabahasa yang ringkas digunakan oleh penjaga dalam bentuk struktur ayat yang ringkas atau ayat yang pendek. Penggunaan ciri-ciri tatabahasa yang ringkas ini berfungsi ketika penjaga mempunyai tanggapan negatif terhadap keupayaan pemahaman warga emas dalam ayat yang lengkap.

#### **4.7 Kod Menindas**

Data kajian telah menunjukkan bahawa penggunaan kod menindas juga merupakan ciri-ciri yang ketara dalam wacana penjaga. Kod menindas dalam kajian ini merujuk kepada penggunaan item leksikal atau bahasa yang kasar yang boleh menjatuhkan maruah seseorang warga emas. Kajian Coupland et al., (1991); la Tourette and Meeks (2000); Simpson (2002) menunjukkan bahawa *elderspeak* menampakkan ciri-ciri “tidak menghormati” dan “merendah-rendahkan” (*patronize*). Kod menindas dalam kajian ini dapat dikesan melalui penggunaan nama samaran dan penggunaan item leksikal yang merendah-rendahkan.

#### 4.7.1 Nama Julukan

Data kajian menunjukkan nama julukan selalu digunakan oleh penjaga semasa mereka menegur warga emas. Penjaga memberi nama lain iaitu nama julukan kepada nama yang diberi oleh penjaga kepada warga emas untuk menggantikan nama sebenar warga emas. Nama julukan yang digunakan oleh penjaga tersebut adalah dalam bentuk kata nama dan kata adjektif. Sila lihat jadual 4.12 berikut.

**Jadual 4.12 Penggunaan Nama Julukan**

Nama Julukan	Golongan kata	Transkripsi
Soh Si	Kata nama	19:6, 31:1 catatan lapangan 01 catatan lapangan 15
Harimau	Kata nama	40:1, 41:7
Parim Singh	Kata nama	41:1, catatan lapangan 18
Bingung	Kata adjektif	41:6

#### 4.7.2 Item Leksikal Yang Merendah-rendahkan

Kod yang merendah-rendahkan dalam kajian ini merujuk kepada penggunaan item leksikal yang merendah-rendahkan martabat atau kedudukan seseorang. Penggunaan item leksikal yang merendah-rendahkan oleh penjaga telah disenaraikan dalam jadual 4.13 di muka surat 91.



**Jadual 4.13 Contoh Kod Yang Merendah-rendahkan**

Kod yang merendah-rendahkan	
Item leksikal	Transkripsi
Malas	7:25
Mulut kamu ada emas?	7:27
Kamu cakap sepatah perkataan nanti emas itu akan jatuh, ya tak?	7:29
Kamu semakin hari semakin nyanyuk	12:1
“Ai yoh! Banyak ci la kat ! Apa <u>lu</u> buat?”	Catatan lapangan 12
“ <u>Lu</u> sudah gilakah? Kencing sanalah”	Catatan lapangan 13
Berapa ribu?	38:3
“ <b>You</b> jangan tidur, jaga you punya wang. Tidur nanti <b>you</b> punya wang hilang!”	Catatan lapangan 05
“Tengok cerita hantukah? Nanti lama-lama <u>lu</u> pun jadi hantu!”	Catatan lapangan 10
“Pandai nak pergi cuci sendiri! ... menyusahkan orang saja!”	Catatan lapangan 20
“Angguk- angguk kepala macam burung!”	Catatan lapangan 09
Chan Sok Moi, burung gagak tua kah you?	24:1
<b>You pregnant</b> ah?	27:1
Curi ayam kah?	27:7
Chong Fook, ini kamu ambil sebagai isteri, mahukah?	29:1
Nak makan oat, ha? Makan sampah!	34:13

### 4.7.3 Fungsi ciri-ciri kod menindas

Untuk bahagian penganalisan ciri-ciri kod menindas, pengkaji cuba mendapatkan respon dan penjelasan fungsi atau tujuan cara penjaga bertutur sedemikian selain merujuk kepada data dalam metod kajian (pemerhatian, audio rekoding dan catatan lapangan). Ini adalah untuk tujuan penganalisan kajian yang lebih sahih dan tidak dipengaruhi oleh pengkaji secara subjektif.

Sepanjang proses pengumpulan data, pengkaji mendapati bahawa penjaga menggunakan kod menindas untuk tujuan menyindir dan semasa bergurau dengan warga emas. Sila lihat contoh di muka surat 92.

**i. (a) Penggunaan nama julukan untuk tujuan bergurau**

Penjaga bertindak memberi nama julukan kepada warga emas untuk tujuan bergurau. Sila lihat contoh berikut.

Contoh 21a Transkripsi 19		
6	PIN:	Soh Si, eh! Soh Si!
Contoh 21b Transkripsi 37		
1	PM:	Soh Si, kenapa nangis?
Contoh 21c Catatan Lapangan 01 Konteks: Penjaga memanggil WPC 9 untuk makan nasi.  “Soh Si! Makan, Soh Si!”		

Dalam contoh 21 di atas, “Soh Si” merupakan dialek Kantonis yang membawa maksud "kunci". Penjaga memberikan nama tersebut kepada WPC 9 sebab WPC 9 sentiasa memegang banyak kunci atau simpan kunci tersebut di dalam poketnya ke mana beliau pergi termasuk masa tidur. Umur WPC 9 adalah 80 tahun dan selalu mengatakan beliau mempunyai banyak wang dan mengatakan kunci- kunci yang dipegang adalah kunci tempat meyimpan wangnya. Tingkah laku WPC 9 yang suka memegang kunci ke mana beliau pergi adalah disebabkan oleh latarbelakang kerja beliau. Sebelum bersara WPC 9 memiliki kedai makanan sendiri dan tugasnya adalah mengurus kewangan kedai tersebut. Oleh itu, WPC 9 bertanggungjawab ke atas kunci-kunci kedai khususnya kunci mesin kashier dan locker yang menyimpan wang. Semua penjaga memanggil WPC 9 dengan nama julukan “soh si”. Tindakan penjaga telah mempengaruhi warga emas yang lain di mana semua warga emas turut menegur WPC 9 dengan nama julukan “soh si”. Nama merupakan aset yang diberi oleh ibu bapa dan adalah

tidak patut penjaga menukarkan nama warga dengan nama-nama lain khasnya nama sesuatu objek. Tindakan penjaga memberikan nama julukan “soh si” adalah sikap tidak menghormati warga emas. Kesan buruk juga dapat dilihat di mana WPC 9 tidak dapat mengingat nama sebenarnya, sebab telah biasa dengan nama “soh si” (WPC 9 mengatakan namanya sebagai “soh si” apabila pengkaji menanyakan namanya).

Contoh 22a		
Transkripsi 40		
Penjaga India bersebang dengan WLC 22.		
1	PI:	Harimau! Panggil! =
7	PI:	Hei! <u>Lu</u> punya nama harimau ke, tak ada harimau?
8	WLC 22:	Harimau punya <u>lu</u> diam!

Dalam transkripsi 40 (contoh 22a), WLC 22 diberi nama julukan “Harimau” oleh penjaga. WLC 22 adalah seorang warga lelaki yang berumur 70 tahun. Menurut respon penjaga nama “harimau” digunakan untuk WLC sebab keadaan fizikal WLC 22 yang sihat dan suaranya lantang. Penjaga juga mengatakan bahawa nama julukan “harimau” adalah untuk tujuan gurauan dan WLC suka dipanggil dengan nama julukan “harimau”. Pengkaji tidak dapat maklum balas daripada WLC 22 sebab WLC 22 tidak memberikan respon samada beliau suka dipanggil sedemikian. Tetapi melalui pemerhatian pengkaji, WLC 22 tidak suka dipanggil dengan nama samaran “harimau”, ini dapat dibuktikan melalui respon WLC 22 di mana WLC 22 akan menjawab “Harimau lu diam” (Harimau kamu diam) setiap kali penjaga menegur beliau dengan nama julukan.

Contoh 23a  
Transkripsi 41

1	JC:	Parim Singh! Parim Singh! Hou mou? Apa khabar?
2	WPC 23:	Kiu ngor ah?= Panggil saya ah?

Contoh 23b  
Catatan Lapangan 18  
Konteks: Jururawat memanggil WPC 23 untuk pemeriksaan tekanan darah.

“Parim Singh! Parim Singh! Mari!”

WPC 23 dalam dalam contoh 23a diberi nama julukan “Parim Singh” sebab beliau selalu menceritakan mengenai seorang doktor kesayangannya yang bernama Parim Singh. Menurut WPC 23, beliau pernah patah tulang kaki dan doktor Parim Singh telah memberikan rawatan yang baik kepadanya. Menurut makluman penjaga, oleh sebab WPC 23 sering mengulangi cerita yang sama, mereka memberikan nama samaran “Parim Singh” kepada WPC 23. Cara gurauan penjaga seperti ini adalah tidak rasional sebab menggantikan nama WPC 23 dengan nama seorang lelaki, juga merupakan tindakan kurang sopan terhadap seorang warga emas.

Contoh 24  
Transkripsi 41

6	JC:	[Kepada WPC2] Bingung! <i>Lu jor siam mit ha?</i> Kamu buat apa ha?
7	WPC 19:	Bo!

Dalam transkripsi 41 (contoh 24), WPC 19 selalu menimbulkan masalah kecil seperti mencari baju di almari warga emas lain, menanggalkan kasut di merata-rata tempat dan selalu meminta penjaga membawanya pulang ke rumah.

Disebabkan perilaku WPC 19 tersebut, penjaga memberikan nama julukan “bingung” kepada WPC 19. Walaupun penjaga mengatakan nama bingung hanya untuk gurauan, pengkaji menganggap perkataan adjektif “bingung” tidak patut diberi kepada seseorang warga emas memandangkan item leksikal tersebut membawa makna “bodoh” dan “dungu”. Penggunaan item leksikal negatif seperti ini merendahkan-merendahkan imej seseorang warga emas.

**i. (b) Penggunaan item leksikal yang merendahkan-merendahkan untuk tujuan bergurau**

Selain daripada nama julukan, penjaga juga menggunakan item leksikal yang merendahkan - rendahkan untuk bergurau. Sila lihat contoh berikut.

Contoh 25a  
 Transkripsi 27  
 JI bersembang dengan seorang WPC 4 pada waktu petang.

1	JJ:	[Menyentuh perut WPC] <b>You pregnant</b> ah? Ha?
2	WPC4:	( )
3	JJ:	Ada “ <i>sei low goh</i> ” ah? Ada anak kah?
4	WPC4:	[Mengangguk] Ada.
5	JJ:	Ada? Berapa?
6	WPC4:	(xxx)
7	JJ:	Curi ayam kah?
		Apa?
3	PG:	<i>Hei, kui gei leng, tei!</i> Hei, betapa cantik dia, tengok!

Dalam transkripsi 27 (contoh 25a), penjaga JJ menyentuh perut WPC 4 yang buncit dan mengemukakan soalan yang menggunakan bahasa yang kasar dan merendahkan-merendahkan seperti “**You pregnant** ah? Ha?”, “Ada “*sei low goh*” ah?” (ada anak kah) dan “Curi ayam kah?” untuk bergurau dengan WPC 4. Gurauan seperti ini adalah adalah tidak sesuai sebab penggunaan bahasa yang menindas

tersebut menjatuhkan maruah seseorang warga emas telah berumur 68 tahun dan merupakan seorang janda.

Contoh 25b  
 Transkripsi 29  
 PG bergurau dengan WLC 8.

1	PG:	[Menuju WPC 19 yang duduk dekat dengan seorang WLC 8] <i>Chong Fook, ini go bei nei zou low po, oil mou?</i>
		Chong Fook, ini kamu ambil sebagai isteri, mahukah?
2	WLC 8:	<i>Mei?</i>

Penjaga juga menggunakan kod menindas untuk bergurau dengan WLC 8 dalam transkripsi 29 (contoh 25b). Dalam transkripsi 29, PG menunjukan WPC 19 dan menanyakan WLC “Chong Fook, ini kamu ambil sebagai isteri, mahukah?” Penggunaan kod menindas dapat dilihat dimana penjaga mengambil kesempatan bergurau ke atas WPC 19 yang telah mengalami kemurungan dan menjadikan hal peribadi WLC sebagai bahan gurauan.

Contoh 25c  
 Catatan Lapangan 09  
 Konteks: Penjaga mentertawakan seorang WPC 11 uzur yang sering menganggup kepala.

“Angguk- angguk kepala macam burung! Ha Ha! Ha!”

Contoh 25 d  
 Transkripsi 24  
 Penjaga bercakap dengan WPC 15 yang sedang suka menyanyi.

1	PG:	Chan Sok Moi, burung gagak tua kah you?
2	WPC 15:	Belumlah... [sambung menyanyi]

Dalam catatan lapangan 9 (contoh 25c) menggunakan bahasa “angguk-angguk macam burung” untuk mentertawakan pergerakan WPC 11 yang selalu mengangguk kepalanya. Penjaga dalam transkripsi 24 (contoh 25d) mengatakan WPC 15 yang suka menyanyi sebagai “burung gagak ”. Penggunaan item leksikal seperti ini merendahkan-merendahkan status warga emas sebab menyamakan warga emas dengan burung khususnya burung gagak yang mempunyai makna konotasi “sial” dalam masyarakat Cina.

Contoh 25 e  
 Transkripsi 34  
 PG menanya tarikh dan hari pada kalender kepada seorang WPC 3.

11	PG:	<i>Ha? Gam nyat bai gei? Tai ni tou! Mei?</i>
		Ha? Hari ini hari apa? [minta WPC melihat kalender yang dia pegang] Tengok sini! Apa ini?
12	WPC 3:	<i>Mak pin...</i>
		Oat...
13	PG:	<i>Yew sig mak pin, ha? Sig lap sap!</i>
		Nak makan oat, ha? Makan sampah!

WPC dalam transkripsi 34 (contoh 25e) tiba-tiba menyebut “*Mak pin*” (oat) semasa penjaga menanya mengenai haribulan di atas kalender. Penggunaan bahasa penjaga yang berbunyi “Nak makan oat, ha? Makan sampah!” adalah gurauan yang keterlaluan dan lebih kepada bahasa yang menghina atau bahasa yang menjatuhkan maruah WPC 3.

## ii. Penggunaan kod menindas untuk tujuan menyindir

Dalam wacana penjaga, penjaga juga menggunakan item leksikal yang merendahkan-merendahkan untuk tujuan menyindir warga emas seperti contoh di muka surat 98.

Contoh 26a

Transkripsi 7

Penjaga (P3) membantu WPC 6 membuat latihan berjalan.

25	P3:	Zhe ge jiao shang, zhuan, (xxx) hei, em:lan duo! Lai! Kaki ini ke depan, pusing, (xxx) hei, em: malas! Mari!
26	WPC 6:	( )
27	P3:	Ni de jui ba you jin? (xxx) hao le, jiao qi lai, zuo hao lai yi dian, na ge shou na qi, (xxx) zuo hao yi dian ha? Mulut kamu ada emas? (xxx) Baiklah, angkat kaki, duduk baik sedikit, angkat tangan itu, (xxx) duduk baik sedikit ha?
28	WPC 6:	( )
29	P3:	Ni jiang yi ju hua na jin hui diao xia lai shi ma? Kamu cakap sepatah perkataan nanti emas itu akan jatuh, ya tak?

Dalam transkripsi 7 (contoh 26a), penjaga menggunakan item leksikal “malas” terhadap WPC 6 yang bergerak lambat semasa berjalan. Apabila WPC 6 tidak respon secara verbal terhadap penjaga, penjaga mengajukan soalan “Mulut kamu ada emas?”, “Kamu cakap sepatah perkataan nanti emas itu akan jatuh, ya tak?” kepada WPC 6. Penggunaan bahasa seperti ini bukan sahaja merupakan sindiran, juga adalah kod menindas sebab tidak memperlihatkan nilai- nilai penghormatan terhadap orang yang lebih tua.

Contoh 26b

Transkripsi 12

WPC 9 sering menanya Pengurus samada anaknya telah bayar yuran penjagaan.

1	PG:	Mai bong nei gong jor loh, ha, em sei rui gei, yow em gei de! Nei yit lei yit nyanyuk oh, mei qiu nyanyuk zi dou mou? Mei qiu nyanyuk, ha?
		Sudah beritahu kamu loh, ha, tak payah wang, tak ingat lagi! Kamu semakin hari semakin nyanyuk oh, tahu apa itu nyanyuk? Apa itu nyanyuk, ha?



Contoh 26c

Catatan Lapangan 12

Konteks: Sewaktu makan tengahari, WPC 19 sedang makan. Gigi palsunya jatuh ke dalam pinggan. Dia mengambil gigi palsu dan menjilat bubur yang ada pada gigi palsu tersebut.

“Ai yoh! Banyak ci la kat ! Apa lu buat?”  
(banyak celaka)

Penggunaan kod menindas seperti “nyanyuk” dalam transkripsi 12 (contoh 26b) digunakan oleh penjaga dengan tujuan menyindir tingkahlaku WPC 9 yang suka mengulang-ulang sesuatu pertanyaan. Dalam catatan lapangan 12 (contoh 26c), penjaga menggunakan item leksikal “celaka” ketika WPC 19 menjilat bubur pada gigi palsu. Penggunaan item leksikal “nyanyuk” dan “celaka” digunakan untuk menyindir warga emas dan memberikan mesej bahawa mereka adalah golongan yang tidak berguna.

Contoh 26d

Catatan Lapangan 20

WPC 6 telah membuang air besar sebelum sampai ke tandas. Dia seorang yang normal tetapi kakinya lemah, tidak boleh jalan laju. Dia ingin membersihkan dirinya tetapi “diketahui” oleh penjaga.

“*Hou lek! Em moi jiok niu pin! Tei, lai si!*”

“Pandai kamu! Tak mau pakai pampas! Tengok, sudah berak!”

“*Gum lek zi gi sei! Nei yi wai nei ho yi zi gi sei? Yu gor nei sei de gon ceng, zou em sei nei ah mui tam som nei, ma fan yan!*”

“Pandai nak pergi cuci sendiri! Kamu ingat kamu boleh cuci? Kalau kamu boleh cuci bersih, tak payah adik kamu risaukan kamu, menyusahkan orang saja!”

Penggunaan kod menindas juga digunakan oleh penjaga dalam catatan lapangan 20 (contoh 26d) ketika memarahi WPC 6 yang sedang mencuci seluar yang terkena najis. Penjaga menggunakan bahasa “Pandai kamu! Tak mau pakai lampin! Tengok,

sudah berak!” untuk menyindir WPC 6 yang enggan memakai lampin. Penggunaan item leksikal “Pandai nak pergi cuci sendiri!”, “menyusahkan orang saja” juga adalah kod yang merendahkan martabat dan harga diri (*self-esteem*) seseorang warga emas. Penjaga sepatutnya memahami bahawa tidak ada sesiapa yang suka memakai pampas selagi kita mampu menguruskan diri sendiri. Penjga juga tidak menghargai usaha WPC 6 unutm cuba membersihkan seluar yang kotor itu sebaliknya menggunakan bahasa yang berunsur cemuhan terhadap WPC 6.

Contoh 27a

Transkripsi 38

Jururawat India menanya WPC9 yang menangis.

1	Jl:	Apa sal Soh Si nangis?
2	JM:	Dia punya wang hilang kot.
3	Jl:	Berapa ribu?

Dalam transkripsi 38 (contoh 27a), setelah mengetahui sebab WPC 9 menangis, penjaga terus menanya “berapa ribu” WPC telah hilang. Penggunaan bahasa penjaga merendah-rendahkan WPC 9, membawa sindiran bahawa WPC 9 bukan memiliki banyak wang dan tidak perlu menangis sebab jumlah wang yang hilang hanya sedikit sahaja.

Contoh 27b

Catatan Lapangan 05

Konteks: WLC 13 tidak mahu tidur dan makan dari pagi hingga petang, asyik duduk dalam bilik.

“**You** jangan tidur, jaga you punya wang. Tidur nanti **you** punya wang hilang!”

contoh 27c

Catatan Lapangan 13

Konteks: WPC 3 hendak pergi tandas tetapi telah berjalan ke arah dapur ke arah dapur.

“Lu sudah gilakah? Kencing sanalah”

(Kamu)

contoh 27d

Catatan Lapangan 10

Konteks: Penjaga bercakap dengan WPC 14 yang sedang menonton T.V.

“Tengok cerita hantukah? Nanti lama-lama lu pun jadi hantu!”

Penjaga dalam catatan lapangan 13 (contoh 27b) memarahi WPC 3 yang salah haluan ketika pergi ke tandas dengan item leksikal “lu gilakah?”. Ketika WLC 13 dalam catatan lapangan 05 (contoh 27c) tidak mahu tidur pada waktu petang, penjaga menyindir WLC 13 mengira wangnya dan tidak perlu tidur. Dalam catatan lapangan 10 (contoh 27d), penjaga menyindir WPC14 yang suka menonton cerita hantu dengan “Nanti lama-lama lu pun jadi hantu”.

Berdasarkan makluman dan respon penjaga mengenai cara pertuturan yang menggunakan kod menindas, penjaga memberi penjelasan bahawa nama samaran yang diberi kepada warga emas adalah sebagai gurauan sahaja, bukan untuk apa-apa tujuan. Penjaga tidak memberi respon terhadap sindiran dan penggunaan bahasa yang menindas terhadap warga emas tetapi mengakui bahawa mereka sekali sekala pernah memarahi warga emas yang degil dan enggan memberi kerjasama.

#### **4.7.4 Kesimpulan Ciri-ciri Kod Menindas**

Kod menindas dapat dikesan melalui nama samaran dan penggunaan item leksikal yang merendah-rendahkan dalam wacana penjaga. Penggunaan nama samaran adalah termasuk kata nama seperti “soh si” (kunci), harimau, dan “Parim Sigh” dan kata adjektif “bingung” (lihat jadual 4.12). Penjaga menggunakan nama benda, nama haiwan dan nama orang lain untuk menggantikan nama warga emas. Fungsi kod menindas digunakan oleh penjaga sebagai gurauan dan sindiran terhadap warga emas. Penggunaan ciri-ciri kod menindas merendah-rendahkan status dan harga diri warga emas.

#### **4.8 Rumusan Ciri-ciri *Elderspeak***

*Elderspeak* merangkumi ciri-ciri ayat tanya, ciri-ciri pengulangan, ciri-ciri perbendaharaan kata yang terhad, ciri-ciri sintaksis yang ringkas serta ciri-ciri kod menindas.

Terdapat 4 jenis ayat tanya dalam ciri-ciri struktur ayat tanya iaitu ‘soalan ekoran’, ‘soalan pilihan’, ‘soalan retorik’ dan ‘soalan ya/tidak’. Terdapat 4 jenis soalan ekoran di bawah ciri-ciri ayat tanya. Ini termasuk soalan yang diakhiri dengan partikel seperti ‘ha’, ‘ah’, ‘mei’ dan ‘ho’, “isn’t it” dan “kan”. Partikel ‘ha’, ‘ah’ digunakan oleh penjaga untuk fungsi ‘penekanan maksud’, ‘memperoleh kepastian’ ‘membangkitkan respon’ dan ‘melembutkan arahan’. Partikel ‘mei’ digunakan oleh penjaga untuk ekspresi perasaan ‘kurang yakin’ dan ‘meragui’ terhadap warga emas. Partikel ‘ho’, ‘isn’t it’ dan “kan” digunakan oleh penjaga untuk fungsi ‘mendapat persetujuan pendapat’. Soalan pilihan, soalan ya/tidak serta soalan retorik digunakan oleh penjaga untuk fungsi menghadkan jawapan serta untuk menunjukkan kuasa penjaga dalam wacana.

Dalam data kajian, ciri-ciri pengulangan dilakukan melalui ‘pengulangan item leksikal’, ‘pengulangan makna’ dan ‘peniruan ujaran’. Pengulangan item leksikal adalah bertujuan ‘memberi arahan’ dan ‘memberi penekanan terhadap sesuatu topik’. Fungsi pengulangan makna dengan item leksikal dan ayat yang berlainan adalah untuk ‘menyampaikan mesej dengan lebih jelas’. ‘Peniruan ujaran’ dilakukan oleh penjaga sebagai tanda memahami maksud warga emas juga sebagai tanda ‘sependapat’ dengan warga emas.

Dalam ciri-ciri ‘perbendaharaan kata yang terhad’ dan ciri-ciri ‘sintaksis yang ringkas’, perbendaharaan kata yang ringkas dan terhad digunakan oleh penjaga sebagai kata kunci fungsi dalam memberi arahan untuk menunjukkan kuasa penjaga. Penggunaan sintaksis yang ringkas seperti ayat pendek adalah atas sebab tanggapan penjaga bahawa warga emas tidak dapat memahami ayat yang panjang atau ayat yang lebih lengkap.

Ciri-ciri kod menindas dikesan dalam pemberian nama julukan dan penggunaan item leksikal yang merendah-rendahkan warga emas. Penjaga menggunakan kod menindas sebagai fungsi bergurau dan menyindir warga emas.

#### **4.9 Kesimpulan**

Bab ini telah menganalisis ciri-ciri elderspeak dan membincangkan fungsi penggunaan setiap ciri-ciri elderspeak. Dapatan kajian akan dihuraikan dan dibincangkan dalam Bab 5.